

ANALISA KRITIS PEMIKIRAN INDIA : KAJIAN KES KE ATAS SISTEM ASTIKA DARSHANA

**VEJAYAN RAJARETNAM
(NO. MATRIK : AGC 98041)**

**DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI SASTERA
DAN SAINS SOSIAL SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA
SASTERA (PENGAJIAN PERADABAN).**




PENGAKUAN

Saya yang bernama dan bertandatangan di bawah, dengan ini mengaku bahawa hasil kajian yang dibentangkan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) ini adalah hasil karya saya sendiri yang asli kecuali apabila dinyatakan sumber rujukannya.

Hasil kajian ini belum pernah dikemukakan kepada mana-mana pihak samada secara sepenuh atau sebahagian daripadanya bagi apa-apa tujuan. Penulisannya adalah hanya bagi maksud seperti yang dinyatakan di atas.

Yang ikhlas,



Nama : Vejayan Rajaretnam

No. K/P : 6183976

No. Matrik : AGC 98041

Tarikh : 27 hb. Disember 2002

PENGESAHAN SEMAKAN

Draf asal disertasi ini telah disemak oleh :

Prof. Madya Dr. M. Rajantheran,
Jabatan Pengajian India,
Universiti Malaya.

Tandatangan

Dr. Rajantheran
(Prof. Madya Dr. M. Ranjantheran)

Penghargaan

Saya begitu bersyukur kepada Tuhan yang Maha Esa yang memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Saya terhutang budi kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. M. Ranjantheran. Tanpa bimbingan, pandangan, nasihat serta galakan beliau pastinya saya tidak dapat menyiapkan disertasi ini dalam masa yang diperuntukan. Kepada beliau, saya merakamkan ribuan terima kasih.

Juga, penghargaan dirakamkan kepada Profesor Chandra Muzaffar yang telah membantu dan memimpin saya di peringkat awal kursus pengajian peradaban. Hasil sumbangan beliau yang bernas membantu saya memahami dan menghayati konsep peradaban dan isu – isu yang berkaitan dengannya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada kakitangan Perpustakaan Utama Universiti Malaya yang banyak membantu saya dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan.

Saya juga mengucapkan saudara Ramesh Rao Rama Naidu dan saudara Thangaiyah Suppiah yang membantu menyemak dan memberi motivasi serta sokongan moral dalam menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan dan rakaman terima kasih khas ditujukan kepada ibu bapa dan abang sulung saya mendiang M. Thayalnayagi, K. Rajaretnam dan Chandran Segaran Rajaretnam atas kasih sayang dan didikan mereka yang amat bernilai.

Sekalung terima kasih kepada ibu bapa angkat saya, mendiang Angeline Moses dan Moses Arokiam yang memberikan galakan, motivasi dan sokongan moral.

Akhir sekali, saya ingin rakamkan hutang budi saya terhadap isteri tersayang Rukumany Perumal yang sentiasa memberikan keyakinan dan semangat bagi saya meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi.

September 2002

Vejayan Rajaretnam

Pusat Dialog Peradaban,

Universiti Malaya.

ABSTRAK

Secara naluri, dalam hati sanubari setiap manusia terdapat keinginan bagi metafizik iaitu untuk mengetahui dan memahami apa yang wujud di luar misteri dan tabir ilusi alam semulajadi dan dunia material ini. Keinginan manusia ini merangkumi semua manusia dari orang gasar kepada masyarakat yang berperadaban tinggi.

Falsafah India klasik yang bermula pada sejak zaman veda tidak sahaja melatih pengikutnya untuk melihat kebenaran metafizik, ia menawarkan satu cara pemikiran yang membolehkan seseorang untuk memahami secara rasional realiti yang telah dialami oleh tokoh-tokoh yang terkabul dan sempurna, dengan itu ia memimpin manusia untuk menyedari kebenaran.

Ilmu kebenaran yang terkandung di dalam sistem astika darsana bersifat perennial dan universal. Oleh itu, sistem ini adalah relevan dan dapat diterima pakai dalam kehidupan manusia moden yang diselubungi dengan kesengsaraan dan penderitaan. Ini adalah kerana pengamalan falsafah astika darsana bukan sahaja untuk menghapuskan kesengsaraan dan penderitaan tetapi untuk menyelamatkan umat manusia dengan mencapai pembebasan (moksa).

Disertasi ini merupakan satu usaha untuk menganalisa falsafah India klasik, astika darsana secara kritikal. Kajian mencakupi aspek epistemologi, logik, metafizik dan etika keenam-enam sistem dalam astika darsana. Sebagai penutup kajian, satu kesimpulan yang bersifat analitikal dan kritikal disertakan bersama disertasi ini.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN SEMAKAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ISI KANDUNGAN	vii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Kajian-Kajian lalu	2
1.3 Sumber Kajian utama	3
1.4 Kaedah Kajian	5
1.5 Skop Dan Batasan Kajian	6
1.6 Masalah Yang Dihadapi	6
1.7 Ringkasan Kajian Mengikut Bab	7
1.8 Naluri Manusia Untuk Kebenaran	9
1.9 Apa Itu Falsafah	11
1.10 Astika Darsana	14
BAB 2 : FALSAFAH INDIA KLASIK ASTIKA DARSANA	15
2.0 Pendahuluan	15
2.1 Methodologi : Perbezaan Methodologi Barat Dan Methodologi India	17
2.3.0 Metafizik : Hubungan Di Antara Roh, Benda dan Minda	18
2.3.1 Metafizik : Hubungan Di Antara Realiti Bebas (Tuhan) Dan Realiti Tidak Bebas (Roh)	18
2.4 Ajaran Praktikal	19
2.5 Hubungan Bidang Falsafah Dan Agama	20
- BAB 3 : NYAYA DARSANA	22
3.0 Pendahuluan	22
3.1 Asal Usul Dan Perkembangan	22
3.2.0 Logik Dan Epistemologi	23
3.2.1 Ilmu Yang Sah	24
3.2.2 Persepsi	25

3.2.3 Inferen	26
3.2.4 Perbandingan	27
3.25 Testimoni / Keterangan	28
3.3 Kategori	28
3.4 Dunia Objek	29
3.5 Konsep Roh Dan Bukti Kewujudannya	30
3.6 Konsep Tuhan Dan Bukti Kewujudannya	31
BAB 4 : VAISESIKA DARSANA	34
4.0 Pendahuluan	34
Latar Belakang Dan Perkembangannya	35
4.2 Teori Ilmu	35
4.3.0 Kategori	36
4.3.1 Bahan	36
4.3.2 Kualiti	37
4.3.3 Aktiviti	38
4.3.4 Keumuman	39
4.3.5 Kekhususan	40
4.3.6 Inheren	41
4.3.7 Ketidak Wujudan	41
4.4 Teori Atomik	42
4.5 Teori Sebab Musabab	43
4.7 Sifat Dan Nasib Roh	43
BAB 5 : SANKHYA DARSANA DAN DUALISME BENDA DAN ROH	45
5.0 Pendahuluan	45
5.1 Asal Usul Dan Perkembangannya	45
5.2 Konsep Minda	46
5.3 Ilmu Dan Kebenaran	48
5.4 Teori Sebab Musabab	49
5.5 Purusa Dan Prakrti	49
5.5.1 Prakrti Dan Evolusi	50
5.5.2 Purusa	53
5.6 Tuhan	54
BAB 6 : SISTEM YOGA UNTUK KAWALAN MINDA	55
6.0 Pendahuluan	55
6.1 Latar Belakang Dan Perkembangannya	55
6.2.0 Konsep Minda	56
6.2.1 Kategori Modifikasi Minda	57
6.3.0 Peringkat Pertama : Latihan Etika	60
6.3.1 Langkah Pertama : Ketiadaan (Yama)	60
6.3.2 Langkah Kedua : Amalan (Niyama)	61

6.3.3 Langkah Ketiga : Posisi Badan (Asana)	62
6.3.4 Langkah Keempat : Kawalan Nafas (Pranayama)	63
6.3.5 Langkah Kelima : Menarik Balik Pancaindera Dari Objek-Objek (Pratyahara)	63
6.3.6 Langkah Keenam : Perhatian Tetap (Dharana)	64
6.3.7 Langkah Ketujuh : Meditasi (Dhyana)	64
6.3.8 Langkah Kelapan : Tumpuan (Samadhi)	64
6.4 Kepentingan Ilmu Yoga	65
6.5 Konsep Tuhan	66
BAB 7 : FALSAFAH RITUAL MIMAMSA	67
7.0 Pendahuluan	67
7.1 Latar Belakang Dan Perkembangannya	67
7.2.0 Ilmu Dan Sumber-Sumber Ilmu	68
7.2.1 Persepsi (Pratyaksa)	69
7.2.2 Inferen (Anumana)	70
7.2.3 Perbandingan (Upamana)	70
7.2.4 Andaian (Arthatpatti)	71
7.2.5 Ketidak Kognisian (Anupalabdhi)	71
7.2.6 Testimoni Lisan (Sabda)	72
7.3 Objek-Objek Ilmu	72
7.4 Keunggulan Kitab-Kitab Suci Veda	73
7.5 Sebab Musabab Dunia	74
7.6 Metafizik	74
7.7 Roh	75
BAB 8 : THEISTIK VEDANTA	76
8.0 Pendahuluan	76
8.1 Sejarah Dan Perkembangan	76
8.1.1 Brahma-Sutra	77
8.2 Aliran Utama	77
8.3.0 Sumber Ilmu	78
8.3.1 Persepsi	78
8.3.2 Inferen	79
8.3.3 Bukti Lisan	79
8.4.0 Kategori	79
8.4.1 Benda Asas (Prakrti)	80
8.4.2 Masa (Kala)	80
8.4.3 Benda Tulen (Suddha-sattva)	81
8.4.4 Penyebab Kesedaran (Dharma-bhuta-jnana)	81
8.4.5 Jiwa (Jiva)	81
8.5 Tuhan (Isvara)	82
8.6 Sebab-Musabab Kejadian Dunia	84
8.7 Metafizik	84

8.8 Ajaran Praktikal	84
BAB 9 : KESIMPULAN	86
9.0 Pendahuluan	86
9.1 Matlamat Falsafah India Klasik	86
9.2 Persamaan-Persamaan Dalam Sistem Astika Darsana	87
9.3 Realiti Terunggul	94
9.4 Penutup	95
RUMUSAN	97
LAMPIRAN	107
BIBLIOGRAFI	108

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Astika darsana adalah sebahagian dari himpunan falsafah India klasik yang memimpin manusia untuk menyedari mengenai dunia, roh, dan tuhan. Ilmu kebenaran yang terkandung di dalam sistem astika darsana bersifat perennial dan universal. Oleh itu, sistem ini adalah relevan dan dapat diterima pakai dalam kehidupan manusia yang sentiasa diselubungi dengan kesengsaraan dan penderitaan. Ini adalah kerana pengamalan falsafah astika darsana dalam kehidupan bukan sahaja dapat menghapuskan kesengsaraan dan penderitaan tetapi menyelamatkan umat manusia dengan mencapai pembebasan, moksa.

"We are like children stranded in the darkness of samsara, with no idea of our true nature, inclined to imagine fears and to cling to hopes in the gloom that surrounds us. Hence arises the need for light, which will free us from the dominion of passions and show us the real, which we unwittingly are, and the unreal in which we ignorantly live".¹

1.1 Tujuan Kajian

Disertasi ini dilakukan dengan tujuan:

1. Mengkaji sumbangan peradaban India dalam bidang falsafah kepada khazanah ilmu.
2. Memperkenalkan keunggulan pemikir-pemikir India klasik kepada masyarakat dunia.

¹ S. Radhakrishnan, Indian Philosophy, George Allen & Unwin Ltd., London, 1966, ms. 27.

3. Mengkaji, meneliti dan menganalisis secara kritikal kaedah-kaedah yang disyorkan oleh golongan pemikir India klasik khususnya, astika darsana, untuk mencapai pembebasan (moksa).
4. Menilai pandangan semesta, metafizik, epistemologi logik dan etika pemikir-pemikir astika darsana.
5. Mengetengahkan “budaya ideational” yang menolak budaya kebendaan dan keseronokan nafsu yang terdapat dalam falsafah India klasik, astika darsana.
6. Walaupun banyak kajian telah dijalankan mengenai falsafah India klasik dalam bahasa Inggeris namun tiada kajian dilakukan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mendedahkan khazanah falsafah dunia yang unggul ini ke alam Bahasa Melayu.
7. Diharapkan falsafah India klasik dalam bahasa Melayu dapat menggalakkan pemahaman serta menjambatkan peradaban Melayu dan peradaban India.

1.2 Kajian-kajian lalu

Ada banyak kajian yang meluas dan mendalam mengenai falsafah India klasik oleh sarjana India dan barat. Namun, kesemua kajian ditulis dalam bahasa Inggeris, Tamil, Hindi dan bahasa-bahasa selain bahasa Melayu. Aspek-aspek yang telah menjadi bahan kajian mereka adalah pelbagai, antaranya seperti berikut;

- a) Sejarah, latar belakang dan perkembangan falsafah India klasik.
- b) Tujuan dan matlamat falsafah India klasik .
- c) Aspek-aspek utama pemikir India di zaman Veda.

- d) Aspek falsafah yang terkandung dalam karya Upanisad, Mahabharata dan Bhagavad Gita.
- e) Aspek epistemologi, logik, metafizik dan etika yang ditonjolkan dalam keenam-enam sistem astika darsana.
- f) Konsep utama pemikir astika darsana seperti realisme, pluralisme, dualisme dan monisme.
- g) Latar belakang pengasas keenam-enam sistem yang terdapat dalam astika darsana.
- h) Perbezaan methodologi yang digunakan oleh ahli falsafah barat dan ahli falsafah India.
- I) Latar belakang tokoh-tokoh falsafah India klasik seperti Sankara, Ramunuja, Madhva, Vallabha dan lain-lain.
- J) Persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam keenam-enam sistem dalam astika darsana.

1.3 Sumber Kajian Utama

Ringkasan buku dan bidang kajian asas dan penting tentang astika darsana disenaraikan di bawah:

- a) **S. Radhakrishnan** adalah seorang pakar dan ahli falsafah India kontemporari yang terkemuka. Buku yang berjudul ***Indian Philosophy*** membincangkan secara ilmiah mengenai keenam-enam falsafah yang terdapat dalam astika darsana serta aliran-aliran kecil yang terdapat dalam setiap sistem. Manakala dalam bukunya yang berjudul ***The***

Principle of Upanisads beliau menggalurkan mengenai prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam upanisad. Kedua-dua buku oleh penulis yang berwibawa ini menjadi bacaan wajib bagi pengkaji falsafah India klasik.

- b) **TMP Mahadevan** adalah seorang sarjana dan pengkaji falsafah India klasik yang terkemuka, dalam bukunya ***Invitation to Indian Philosophy*** beliau menghuraikan falsafah India sejak zaman veda ke zaman kontemporari. Penulis ini berjaya menghuraikan dengan mudah dan berkesan falsafah India klasik.
- c) **M. Hiriyanna** dalam bukunya ***Outlines Of Indian Philosophy*** memdedahkan mengenai pemikiran India di zaman veda, zaman pasca veda, sistem nastika darsana dan astika darsana secara ilmiah. Bukunya diterima sebagai sumber yang berautoriti dalam bidang falsafah India klasik.
- d) **S. Dasgupta** dalam bukunya ***A History Of Indian Philosophy*** menjelaskan falsafah India klasik secara kronologi dan menarik minat.
- e) **Max Muller** dalam bukunya ***The Six systems of Indian Philosophy*** mengetengahkan secara perinci perspektif barat mengenai sistem astika darsana.
- f) **S. Charterjee dan D. Datta** dalam buku mereka ***An Introduction to Indian Philosophy*** mengupaskan falsafah nastika darsana dan astika darsana secara mudah, sistematik dan meluas. Kedua-dua penulis ini adalah anak murid kepada tokoh falsafah India moden S. Radhakrishnan.

- g) **N.V. Banerjee** dalam bukunya *The Spirits of Indian Philosophy* menggunakan pendekatan ilmiah dalam mengkaji falsafah India klasik. Kajiannya merangkumi aspek epistemologi, metafizik, etika dan agama.
- h) **C. Sharma** dalam bukunya *Critical Survey of Indian Philosophy* menilai secara kritis aspek-aspek utama pemikiran ahli falsafah India.
- i) **T. Bernard** dalam bukunya *Hindu Philosophy* mengkaji sistem astika darsana secara komprehensif. Selain itu, beliau juga telah membuat tinjauan terhadap falsafah kashmir saivism.

1.4 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan bersifat interpretasi falsafah klasik India khususnya astika darsana. Oleh itu, kaedah penyelidikan dan kaedah perbandingan akan diamalkan. Kajian ini akan melibatkan penelitian sumber perpustakaan secara keseluruhannya. Iaitu tertumpu kepada karya-karya sekunder mengenai falsafah India klasik, astika darsana.

Buku-buku yang bercorak interpretif, koleksi kertas kerja dan seminar yang ditulis atau diterbitkan oleh sarjana India dan barat, jurnal-jurnal, ensiklopedia, majalah-majalah, artikel-artikel dan kamus-kamus berkaitan yang diterbitkan serta beberapa bentuk pembacaan popular di dalam internet.

Maklumat yang dikumpulkan dari penyelidikan perpustakaan akan dikategorikan kepada beberapa bahagian berdasarkan enam aliran falsafah yang terdapat dalam astika darsana. Setiap bab disertakan dengan rumusan masing-masing

dibahagian hujung disertasi ini. Akhir sekali, bab kesimpulan pula memaparkan penemuan-penemuan utama dalam kajian ini.

1.5 Skop dan batasan kajian

Dalam kajian ini pengarang hanya akan memberikan tumpuan kepada falsafah India klasik, astika darsana .

Untuk menjayakan kajian ini, pengarang akan cuba sebaik mungkin untuk mengkaji secara terperinci tentang enam aliran falsafah yang terdapat dalam astika darsana sahaja.

Pengkaji turut menggunakan kajian-kajian, ulasan-ulasan, jurnal-jurnal, artikel-artikel, ensiklopedia dan kamus-kamus yang berkaitan dan relevan dengan falsafah India klasik dan astika darsana sebagai rujukan.

1.6 Masalah yang dihadapi

- a) Menulis secara kompresif, dengan tepat dan padat dalam lingkungan perkataan yang minimal.
- b) Mengenalpasti logik, metafizik, epistemologi, etika dan pandangan semesta yang terdapat dalam setiap aliran astika darsana.
- c) Menterjemahkan perkataan, idea dan konsep sanskrit yang terdapat dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

1.7 RINGKASAN BAB

Bab 2 : Pemikiran ahli falsafah klasik, Astika darsana.

Kajian dibuat mengenai asal-usul, perkembangan, kawasan pengaruh dan isi kandungan falsafah India klasik. Dua kumpulan utama dalam falsafah India klasik dikenalpasti iaitu Nastika darsana dan Astika darsana, perbezaan di antara kedua-dua sistem ini disebutkan. Juga, perbandingan di antara methodologi yang digunakan oleh ahli falsafah India dan ahli falsafah barat dinyatakan. Perbincangan mengenai aspek metafizik dilakukan di mana hubungan di antara roh, benda dan minda dibuktikan. Turut disentuh adalah hubungan di antara realiti bebas (tuhan) dan realiti tidak bebas.

Fokus juga diberikan terhadap ajaran praktikal falsafah India kerana nilai-nilai murni dan akhlak mulia menjadi prasyarat bagi menuntut falsafah India klasik. Akhir sekali, hubungan diantara bidang falsafah dan bidang agama dilihat dari kaca mata ahli falsafah.

Bab 3: Nyaya darsana

Definisi, pengasas, asal-usul dan perkembangan, kaedah, logik dan epistemologi sistem nyaya digalurkan. Penghuraian dibuat mengenai empat cara mendapat ilmu secara sah - persepsi, inferen, perbandingan dan keterangan. Selain itu, enam belas (16) kategori yang terlibat dalam proses pemikiran dan tatacara perdebatan dilihat secara ringkas. Di samping itu, kajian juga dilakukan mengenai pandangan semesta, konsep roh dan konsep tuhan serta bukti-bukti kewujudannya diteliti.

Bab 4: Vaisesika Darsana

Kajian dibuat mengenai pengasas, definisi, sejarah dan perkembangan serta pandangan semesta sistem vaiseiska darsana. Tumpuan diberikan terhadap empat (4) cara mendapatkan ilmu secara sah - persepsi, inferen, perbandingan dan keterangan. Juga, disebut tujuh jenis objek ilmu dan pemerincian dilakukan mengenai ketujuh-tujuh jenis objek ilmu iaitu bahan, kualiti, aktiviti, umum, khusus, inferen dan tidak wujud. Tinjauan dilakukan mengenai teori atomik, teori sebab musabab dunia dan sifat roh serta nasibnya.

Bab 5 : Sankhya Darsana

Seperti bab-bab yang sebelum ini pengkajian dibuat mengenai pengasas, karya, pandangan semesta dan konsep minda dalam sistem sankhya darsana. Juga dinyatakan tiga (3) cara mendapat ilmu secara sah iaitu inferen dan perbandingan, persepsi dan bukti lisan. Setiap cara tersebut diteliti secara mendalam. Selain itu, penguraian dibuat mengenai sebab musabab dunia dan metafizik pemikir sankhya darsana.

Bab 6 : Sistem Yoga

Penjelasan dibuat mengenai pengasas, maksud, perkembangan, konsep minda dan kategori modifikasi minda. Lapan Langkah Yoga iaitu ketiadaan, amalan, pengawalan badan, pernafasan dan pancaindera, posisi badan, kawalan nafas, menarik balik pancaindera dari objek-objek, perhatian tetap, meditasi dan tumpuan dinyatakan. Setiap langkah tersebut yang menjadi intipati ajaran sistem Yoga diteliti dan diperjelas secara perinci.

Bab 7 : Amalan Ritual Mimamsa

Pengasas, maksud, perkembangan, karya, dan tahun pengasasan digalurkan. Selain itu, enam (6) cara mendapat ilmu secara sah – persepsi, inferen, perbandingan, bukti lisan, andaian dan ketidakkognisian diselidik. Juga, tumpuan diberikan terhadap objek-objek ilmu, keunggulan kitab-kitab suci veda, sebab musabab dunia, roh dan metafizik.

Bab 8 : Sistem Vedanta

Terdapat empat (4) aliran kecil dalam sistem Vedanta iaitu Visistadvaita, Dvaita-Vedanta, Dvaitaadvaita dan Advaita. Fokus kajian hanya tertumpu terhadap Visistadvaita. Selain itu, tiga (3) cara mendapat ilmu iaitu persepsi, inferen dan bukti lisan dipaparkan. Sementara dua (2) kategori utama iaitu bahan dan bukan bahan diperjelaskan. Akhir sekali, konsep roh, tuhan, metazik, sebab musabab dunia dan ajaran praktikal sistem Visistadvaita diperhalusi.

Bab 9 : Kesimpulan

Analisa kritikal dibuat terhadap enam pemikiran utama sistem astika darsana. Kajian merangkumi pandangan semesta, metafizik, matlamat hidup, sebab musabab dunia, cara-cara mendapat ilmu secara sah dan lain-lain aspek utama sistem astika darsana.

1.8 Naluri manusia untuk kebenaran

Secara semulajadi dalam hati sanubari manusia terdapat keinginan bagi metafizik iaitu untuk mengetahui dan memahami apa yang wujud di luar misteri dan tabir ilusi alam semulajadi dan dunia material ini. Keinginan manusia ini

merangkumi semua manusia dari orang gasar kepada masyarakat yang berperadaban tinggi.

Sejak permulaan masa, golongan pemikir berusaha untuk menjambatkan jurang diantara dunia yang dilihat dan dunia yang tidak dapat dilihat untuk menunjukkan sebab-sebab kehidupan manusia diruntuni dengan kesedihan dan penderitaan. Tetapi pokok persoalannya masih tidak terjawab. Apakah sebab manusia mengalami kebahagiaan dan penderitaan? Macam manakah kita dapat mencapai kebebasan dari penderitaan. Pelbagai jawapan dan penjelasan diutarakan kepada persoalan ini ia terdiri dari kepercayaan tahuyl kepada spekulasi falsafah halus dan bijaksana.

Manusia primitif yang tidak melihat kuasa diluar alam fizikal telah merangka fahaman animisme dan pantheisme. Di tamadun barat, ilmu yang dipersepsikan oleh manusia mengenai dunia luaran digunakan sebagai kayu pengukur dan asas bagi mencipta pelbagai teori. Saintis yang mengkaji dan meneliti alam semesta ini melalui mikroskop dan teleskop mengemukakan fahaman materialisme. Namun, dunia ini masih lagi diselubungi dengan misteri.

Peradaban barat enggan menerima kenyataan bahawa dunia ini terdiri selain dari minda dan benda. Ia menafikan idea bahawa ada realiti yang lebih mendalam yang tidak dapat dipersepsi melalui pancaindera manusia. Walaupun ada kaedah yang lebih tepat dicipta untuk menyelidik alam realiti namun mereka tidak berganjak dari pendapat mereka.

Puncanya adalah kerana anggapan bahawa manusia tidak dapat mengetahui kebenaran metafizik melalui pengalaman langsung. Oleh itu, kebenaran

metafizik hanyalah sekadar spekulasi, inferen, atau keyakinan yang tidak berasas. Walaupun terdapat kaedah yang membolehkan kita mengetahui kebenaran metafizik, namun peradaban barat menyangkal terdapat orang yang telah mencapai ke tahap untuk mendapatkan ilmu tertinggi ini.

Satu lagi sebab mengapa barat bersikap demikian adalah kerana semua sistem falsafah bercanggah di antara satu sama lain dan jika hanya satu sistem sahaja benar maka ini bererti semua sistem yang lain adalah palsu. Tanggapan yang salah ini berpuncu kerana dalam pemikiran barat tiada tempat untuk kepelbagaian penterjemahan satu sistem falsafah bagi menyesuaikan minda manusia yang berbeza yang berbeza.

Hanya peradaban timur, mengakui bahawa manusia boleh mengetahui kebenaran metafizik melalui pengalaman langsung. Ia tidak perlu bergantung kepada spekulasi, inferen dan keimanan. Kesusasteraan timur penuh dengan tokoh-tokoh terkemuka yang mengetahui kebenaran mengenai alam semesta dan kewujudan manusia, ajaran pemikir ini tersurat dan tersirat dalam sistem falsafah India klasik.

1.9 Apa itu falsafah

Perkataan falsafah atau dalam bahasa Inggeris philosophy berasal dari suku kata bahasa Yunani, philien, untuk mencintai dan sophos, kebijaksanaan; oleh itu perkataan falsafah membawa maksud untuk mencintai kebijaksanaan.²

² A.L. Herman, An Introduction To Indian Thought, Prentice Hall, New Jersey, 1976, ms. 3.

“*Kamus Dewan*” menakrifkan falsafah sebagai pengetahuan tentang pengertian-pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi atau sebagai dasar ilmu-ilmu lain.³

Manakala kamus “*The Oxford Dictionary of Current English*” mentakrifkan falsafah sebagai penggunaan penaakulan dan perdebatan untuk mencari kebenaran dan ilmu mengenai realiti terutamanya mengenai sebab musabab kejadian dunia, sifat-sifat semulajadi benda-benda yang terdapat dalam dunia dan prinsip-prinsip yang mengawal kewujudan, persepsi, kelakuan manusia dan dunia material.⁴

Sementara kamus “*Webster’s Collegiate Dictionary*” mentakrifkan falsafah sebagai mencari kebijaksanaan. Mencari pemahaman umum mengenai nilai-nilai dan realiti terutama sekali melalui kaedah spekulasi dari kaedah pemerhatian. Ia adalah satu disiplin yang terdiri dari logik, esthetika, etika, metafizik dan epistemologi.⁵

Bertrand Russel seorang ahli sarjana terkemuka dalam buku yang berjudul “*The History of Western Philosophy*” mendefinisikan falsafah sebagai suatu bidang perantaraan yang terletak di antara bidang teologi dan bidang sains. Seperti teologi, ia terdiri dari spekulasi mengenai benda-benda yang mana ilmu tentu tidak diperolehi tetapi seperti sains ia merayu kepada penaakulan minda dari autoriti, sama ada ia mengenai tradisi atau mengenai pendedahan⁶. Semua

³ Tengku Iskandar, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, ms. 298.

⁴ R.E. Allen (ed.), *The Oxford Dictionary of Current English*, Oxford University Press, New York, 1990, ms. 552.

⁵ *Webster’s New Collegiate Dictionary*, G & C Merriam Company, Massachusetts, USA, 1974, ms. 861.

⁶ **Pendedahan** yang dimaksudkan disini adalah sama dengan perkataan revelation dalam bahasa Inggeris.

ilmu tentu adalah milik bidang sains; semua dogma yang menjangkaui ilmu tentu adalah milik teologi. Tetapi, diantara teologi dan sains terdapat ruang kosong yang terbuka kepada serangan dari kedua pihak, ruang kosong ini adalah bidang falsafah.⁷

Akhir sekali, ensiklopedia yang berjudul "*The New Webster's International Encyclopedia*" menjelaskan falsafah sebagai kajian mengenai kejadian alam semesta dan pemikiran khususnya mengenai pengalaman manusia. Secara tradisi, bidang falsafah berfokus kepada empat perkara utama. Yang pertama ialah logik atau kajian mengenai struktur-struktur formal untuk menghujah kebenaran. Kedua, metafizik atau kajian mengenai asal usul kejadian atau realiti terunggul. Ketiga adalah epistemologi atau teori ilmu dan; keempat adalah etika atau moral dan falsafah politik.⁸

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan definisi-definisi tersebut di atas ialah falsafah adalah sebuah bidang yang menjambatkan bidang sains dan teologi, ia adalah berlandaskan spekulasi logikal dan rasional mengenai kejadian dunia, roh dan tuhan. Kajiannya mencakupi aspek epistemologi, logik, metafizik dan etika. Ganjaran yang diperolehi dari kajian falsafah adalah kebijaksanaan. Falsafah India klasik, astika darsana mempunyai kesemua kelayakan tersebut.

⁷ B. Russell, *History of Western Philosophy: and Its Connection with Political and Social Circumstances from the Earliest Times to the Present Day*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1961, ms. 13.

⁸ *The New Webster's International Encyclopedia*, Trident Press International, Florida, 1999, ms. 842.

1.10 Astika Darsana

Menurut tradisi India, terdapat hanya satu realiti terunggul, tetapi terdapat enam menterjemahan asas mengenai realiti. Ia dikenali sebagai ‘sad darsana’ atau enam celik akal’ kerana ia memberikan manusia kebolehan luar biasa untuk memahami kebenaran abadi yang hanya dapat diperolehi melalui kitab-kitab suci atau melalui pengalaman rishi⁹.

Perkataan darsana berasal dari sukukata ‘drs’ yang bererti untuk melihat dan dalam bahasa sanskrit perkataan ini digunakan untuk merujuk kepada falsafah.¹⁰ Terdapat enam sistem dalam astika darsana, ia terdiri dari Nyaya darsana, Vaisesika darsana, Sankhya darsana, Yoga darsana, Mimamsa darsana dan Vedanta darsana.

Keenam-enam sistem falsafah klasik ini bukan ciptaan seorang atau pemikiran satu minda. Secara bersama keenam-enam sistem ini menterjemahkan realiti terunggul. Kesemuanya bersangkut paut di antara satu sama lain sehingga hipotesis dan kaedah setiap sistem bergantung kepada sistem yang lain dalam astika darsana. Namun tidak terdapat sebarang percanggahan maupun konflik di antara keenam-enam sistem kerana kesemua sistem memimpin ke arah yang sama iaitu pengetahuan mengenai tuhan dan pembebasan roh, moksa.

⁹ *Rishi* adalah golongan agama dan pewaris kitab-kitab suci veda dan dikatakan mempunyai ciri-ciri seperti kebijaksanaan, berkesedaran tinggi, bervisi dan mempunyai kuasa kerohanian yang luar biasa (psychic). S.S. Subramuniyaswami, *Dancing with Siva: Hinduism's Contemporary Catechism*, Himalayan Academy, India, 1993, ms. 798.

¹⁰ T. Bernard, *Hindu Philosophy*, Jaico Publishing House, Mumbai, 1998, ms. 17.

BAB 2 : FALSAFAH INDIA KLASIK ASTIKA DARSANA

2.0 Pendahuluan

Falsafah India klasik adalah sekurang-kurangnya seusia dengan kitab Rig-Veda, bertarikh di antara 1500-1000 sebelum masihi.¹ Pengaruhnya melampaui benua India dan Asia serta kebanyakan kawasan berhampiran dengan Lautan Hindi. Dari segi isi kandungan, ia kaya dan berpelbagai, mencakupi sudut pandangan yang berbeza di antaranya ialah kebendaan dan kerohanian, pluralisme dan monisme², realisme³ dan idealisme, theisme dan absolutisme⁴. Aliran falsafah India dapat diklasifikasikan kepada dua (2) kumpulan iaitu sistem orthodox (Astika Darsana) dan sistem heterodox (Nastika Darsana). Perbezaan di antara kedua – dua aliran pemikiran ini berlaku kerana sistem orthodox menerima autoriti veda manakala sistem heterodox pula tidak menerima autoriti kitab veda. Walaupun begitu, perbezaan di antara kedua – dua aliran ini adalah kecil sahaja. Ini adalah kerana aliran pemikiran orthodox walaupun menerima keabsahan veda, ia hanya adalah atas nama sahaja. Sementara, aliran

¹ R. Rajakrishnan & M. Rajantheran, Pengantar Tamadun India, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., K.Lumpur, 1994, ms. 11.


² **Pluralisme** adalah doktrin yang menegaskan bahawa realiti terdiri dari tiga atau lebih komponen utama yang berbeza iaitu tuhan, roh-roh dan dunia. Manakala monisme adalah doktrin yang berpegang kepada falsafah bahawa realiti adalah menyeluruh dan bersatu tanpa bahagian-bahagian bebas iaitu dunia, roh dan tuhan adalah satu prinsip yang menyeluruh yang tidak dapat dipisahkan. S.S. Subramuniyaswami, op-cit, ms. 785.

³ **Doktrin** yang menegaskan bahawa dunia ini adalah benar bukannya illusi, hayalan dan rekaan minda atau kesedaran. *Ibid*, ms. 715.

⁴ **Theisme** adalah kepercayaan kepada tuhan peribadi (personal god) seperti Shiva, Vishnu, Jesus, Allah (swt) dan sebagainya. Juga tuhan adalah sebahagian daripada dunia ini serta menjangkaui dunia manakala absolutisme adalah kepercayaan bahawa tuhan adalah realiti mutlak yang tersendiri tanpa tuhan peribadi / personal god (absolute impersonal reality). TMP Mahadevan, Invitation to Indian Philosophy, Arnold-Heinemann, New Dehli, 1982, ms. 19.

pemikiran heterodox adalah sangat dipengaruhi oleh upanishad yang terdiri daripada bahagian penghujung kitab veda.

Sistem Orthodox terdiri daripada enam (6) aliran pemikiran. Iaitu Nyaya, Vaisesika, Sankhya, Yoga, Mimansa dan Vedanta . Manakala, sistem heterodox terdiri daripada tiga (3) aliran pemikiran iaitu Carvaka, Jainisme dan Buddhisme.⁵



SISTEM FALSAFAH INDIA KLASIK⁶

Walau bagaimanapun falsafah India tidak bermula daripada kedua-dua aliran pemikiran utama ini. Terlebih dahulu sudah wujud pemikir-pemikir yang bernas seperti penyair-penyair veda, wali-wali upanishad, golongan bijaksana yang

⁵ S. Chatterjee & D. Datta, *The Spiritual Heritage of India*, George, Allen & Unwin, London, 1962, ms. 17.

⁶ M. Muller, *The six Systems of Indian Philosophy*, Longmans, Green & Co. 1903, ms. 9

nengarang epik dan purana, dan pemikir-pemikir terkemuka yang telah nemperkayakan warisan falsafah India sejak permulaan sejarah negara tersebut.

Melainkan aliran pemikiran Carvaka, kesemua aliran pemikiran tersebut nempunyai asas yang sama walaupun berbeza dari segi doktrin. Sistem Carvaka yang berdasarkan materialisme telah diberikan kebebasan untuk menyebarkan fahamannya tetapi ia tidak berjaya mendapat sambutan rakyat empatan. Keunikan falsafah India adalah ia bercenderungan ke arah kerohanian serta menolak unsur materialisme dan naturalisme.⁷

2.1 Methodologi : Perbezaan Methodologi Barat Dan Methodologi India.

Ahli falsafah Barat kontemporari hanya menerima kaedah yang berdasarkan penaakulan. Mereka mendefinisikan falsafah sebagai sesuatu bidang yang melibatkan pemikiran. Jarang sekali mereka mengakui batasan intelek yang sekadar bertujuan untuk menganalisis. Pemikir India menyedari kaedah penaakulan sukar untuk memahami dan merasai realiti kehidupan. Oleh itu, mereka menggabungkan kaedah kata hati⁸ bersama kaedah inkuiри logikal dan rasional dalam menghasilkan falsafah mereka. Ini adalah kerana matlamat ahli falsafah adalah bukan sahaja sebagai seorang perantara mengenai ilmu realiti tetapi sebagai pemberi pengalaman mengenai realiti.⁹

TMP Mahadevan, op.cit. ms. 3

Kata *hati* disebut sebagai intuition dalam bahasa Inggeris.

TMP Mahadevan, op.cit. ms. 4.

"Reason cannot yield unquestionable certainty in respect of supersensible entities. Reason is overthrown by reason. It cannot land us in the solid of truth. Reason is subordinated to the authority of the Vedas, which is regarded as the authority of intuition. Intuition is the immediate apprehension of the reality, which transcend discursive thought. It is supra intellectual direct apprehension. Reason (tarka) is regarded as subordinate to intuition (anubhava). Intuition can override reason, but reason cannot overthrow intuition. Reasoning should be carried on under the guidance of intuition"¹⁰

2.3.0 Metafizik: Hubungan di antara roh , benda dan minda.

Doktrin utama kesemua sistem pemikiran India adalah kelainan di antara roh dan benda. Pelbagai istilah digunakan untuk menunjukkan dua (2) kategori ini. Antaranya ialah Atman dan Anatman, Jiva dan Ajiva, Purusha dan Prakrti. Yang membezakan di antara roh dan benda adalah kesedaran.¹¹

Menurut pemikir India, roh tidak patut dikaitkan dengan minda. Minda adalah benda material dan bukanlah prinsip kerohanian. Minda hanyalah alat untuk mendapat ilmu dan bukannya pencari ilmu, punca ilmu adalah diri. Di antara roh dan benda asas yang lebih penting adalah roh.¹² Bayangkan tanpa roh dunia boleh disifatkan sebagai sebuah drama tanpa heronya. Manakala unsur kesedaran dunia ini adalah buta.

2.3.1 Metafizik : Hubungan di antara realiti bebas (tuhan) dan Realiti tidak bebas (roh)

Satu lagi ciri metafizik pemikir India adalah kecenderungannya untuk menyatupadukan realiti. Secara dasarnya realiti adalah hanya satu dan bukannya dua. Walaupun, pemikir pluralisme mengatakan wujudnya realiti yang berbeza dan pelbagai seperti realiti bebas (tuhan) dan realiti tidak bebas (roh

¹⁰ J. Sinha, Outlines of Indian Philosophy, Sinha Publishing House Private Ltd . Calcutta, 1963. ms. 17.

¹¹ Ibid. ms. 5.

¹² Swami Prabhavananda, op.cit. ms. 201.

nanusia dan roh yang lain).¹³ Namun, kesemua realiti tidak bebas dikatakan bergantung kepada realiti bebas yang dianggap sebagai tuhan ataupun pengalaman mutlak. Dipercayai realiti mutlak bukan sahaja asas bagi kewujudan nalah adalah nilai terakhir bagi segala-galanya. Ia di gambarkan sebagai kebenaran, kecantikan dan kebaikan (Sat-Cit-Ananda). Oleh kerana roh manusia yang di anggap sebagai realiti tidak bebas dan bergantung kepada realiti bebas (tuhan) maka dalam roh manusia yang bebas terdapat unsur – unsur ketuhanan seperti kebenaran, kecantikan dan kebaikan.¹⁴

"Two birds, friendly to each other, sit in the same tree. One eats the sweet fruit thereof, while the other merely looks on. The jiva deluded by lack of freedom and sovereignty sorrows. But when it sees the adorable Lord and His glory, it is freed from misery"¹⁵

2.4 Ajaran Praktikal

Matlamat falsafah India bukanlah untuk pemahaman realiti melalui intelek tetapi untuk kesedaran melalui kata hati. Oleh itu, seseorang yang berminat untuk kebijaksanaan falsafah mestilah mempunyai bukan sahaja otak yang tajam tetapi suci dari segi akhlak. Pemikiran mengenai metafizik hanya boleh disemai apabila seseorang mempunyai nilai seperti ketenangan fikiran, kawalan diri dan kepuasan hati. Penuntut ilmu metafizik yang ingin mengetahui kebenaran hidup perlulah berhenti dahagakan benda-benda keduniaan dan mengalihkan

¹³ TMP Mahadevan, op.cit, ms. 6.

¹⁴ Ibid., ms. 6 – 7.

¹⁵ J. Sinha, op.cit, ms. 34.

tumpuannya secara penuh kepada realiti abadi yang akan memberinya bantuan dan kebahagiaan berkekalan.¹⁶

Setelah memenuhi kelayakan akhlak dan emosi, penuntut falsafah mesti belajar di bawah pengawasan seorang guru yang bertauliah dan membayangkan kembali pelajarannya. Di samping itu, pelajar perlu bertafakur secara berterusan serta mengimbas kembali isi kandungan pelajarannya sehingga beliau dapat menyedari kebenaran metafizik.

"The methods of attaining this highest state of consciousness are hearing about, reasoning about, and meditating upon the ultimate reality. One must hear about it from the Sruti, or Vedas, and from the lips of a guru, an illumined teacher. Then one must reason about it. Finally comes meditating upon it in order to realize the truth for oneself".¹⁷

2.5 Hubungan bidang falsafah dan agama

Ajaran praktikal yang di kaitkan dengan tradisi falsafah India adalah bertanggung jawab bagi mengikatkan bidang falsafah dengan agama. Di peradaban India seperti peradaban-peradaban utama dunia, agama dan falsafah telah bermula sebagai satu bidang yang sama. Tidak lama kemudian ia menjadi bidang yang berbeza . Namunbegitu, kedua-dua bidang ini tidak terpisah.¹⁸

Dalam peradaban India, agama bertujuan untuk menanam sikap setia dan bakti terhadap tuhan manakala falsafah pula adalah supaya penganut tersebut memahami sifat semulajadi realiti. Kedua-dua bidang adalah berkait rapat kerana objektif utama kedua-dua bidang tersebut adalah sama. Hasrat kedua-dua bidang adalah supaya manusia menyedari nasib hidupnya dan untuk

¹⁶ *Ibid.*, ms. 7.

¹⁷ Swami Prabhavananda, *op.cit.* ms. 20.

¹⁸ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 9.

membebaskan dirinya dari kitaran kehidupan dan kematian (samsara) sekaligus mencapai moksa.¹⁹

"..... religion and philosophy do not stand sundered in India. They indeed begin as one everywhere, for their purpose is in the last resort the same, viz. a seeking for central meaning of existence. But soon they separate and develop on more or less different lines. In India also the differentiation takes place, but only it does not mean divorce. This result has in all probability been helped by the isolated development of Indian thought already referred to, and has generally been recognised as a striking excellence of it".²⁰

Pendek kata, untuk mencapai moksa yang merupakan matlamat semua penganut agama hindu maka agama dan falsafah disatupadukan. Jika tidak bidang falsafah akan menjadi gersang dan agama pula menjadi buta.

¹⁹ *Ibid.*, ms. 9.

²⁰ M. Hiriyanna, Outlines of Indian Philosophy, George Allen & Unwin Ltd., London, 1968 ms. 17.

BAB 3 : NYAYA DARSANA

3.0 Pendahuluan

Nyaya darsana adalah aliran pemikiran yang digelar realisme yang logikal. Ia dianggap sebagai realisme kerana ia menerima realiti kewujudan dunia ini. Ia juga adalah logikal kerana pandangan semestanya dibina berdasarkan penaakulan logikal.¹ Kelebihan aliran pemikiran ini adalah kerana ia dapat mencorak kaedah yang saintifik dalam menyoal siasat dan membentuk satu teknik perdebatan tersusun. Inilah sebabnya Nyaya darsana membawa erti penaakulan logikal.² Nyaya juga dikenali sebagai Anviksiki dan Tarka yang bermaksud sains penaakulan dan perdebatan. Nyaya melambangkan penyiasatan analitikal yang terhasil melalui kaedah logikal. Kaedah logikal merupakan satu disiplin asas yang menjadi pra-syarat bagi pengkajian bidang falsafah India klasik.

3.1 Asal usul dan perkembangannya

Buku asas sistem ini ialah Nyaya Sutra yang terhasil dari buah fikiran Aksapada Gautama³. Nyaya Sutra dikarangkan oleh Gautama pada 100 masihi. Buku ini terdiri dari lima bab dan setiap bab dibahagikan kepada dua bahagian. Di antara pengikut terawal dan pengulas sistem ini adalah Vatsyayana atau Paksilasvamin(300M), Uddyotakara (600M), Udayana (900M), Gangesa

¹ S. Radhakrishnan, *Indian Philosophy*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1966, ms. 29

² *Ibid.*, ms. 43.

³ *Nama* sebenarnya adalah Gautama manakala Aksapada adalah gelaran yang diberikan kepadanya. Gautama membawa erti orang yang ada mata di kakinya. Perumpamaan ini bermaksud sains penaakulan adalah penyinar pemikiran manusia, TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 155.

1100M), Vasudeva Sarvabhauma's, Raghumatha Siromani dan Visvanatha-
'ancanana (1600M).


1.2.0 Logik dan Epistemologi

Dalam sistem Nyaya, logik dan epistemologi memainkan peranan yang penting.

Sehubungan itu, ia menegaskan apa juga yang wujud dalam dunia ini dapat diketahui. Malah ilmu dan pencari ilmu juga dapat dikaji di bawah sinaran ilmu. Oleh yang demikian, persoalan mengenai cara-cara memperolehi ilmu mendapat empat yang utama dan penting.⁴

Mengikut Nyaya darsana, terdapat empat situasi yang berbeza dalam mendapat ilmu. Situasi pertama adalah subjek ataupun pengkaji (pramata), situasi kedua adalah objek ataupun benda yang di kaji (prameya), situasi ketiga ialah cara-cara yang digunakan untuk mendapatkan ilmu yang sah (pramana) dan situasi terakhir adalah ilmu sah yang terhasil dari kajian tersebut (prama).


⁴ TMP Mahadevan, op.cit, ms. 159.



3.2.1 ILMU YANG SAH (PRAMA)

Menurut pemikir nyaya terdapat empat cara untuk memperolehi ilmu yang sah. Ia adalah melalui persepsi (pratyaksa), inferen (anumana), perbandingan (upamana) dan keterangan (sabda).⁵

⁵ S. Chatterjee & D. Datta, *An Introduction To Indian Philosophy*, Calcutta University Press, Calcutta, 1968, ms. 173.



3.2.2 Persepsi

Persepsi di definisikan sebagai ilmu yang terhasil dari kontek di antara diri, minda dan pancaindera dengan objek. Ia dapat dirumuskan seperti berikut :

$$\text{PERSEPSI} = \text{Diri} + \text{Minda} + \text{Pancaindera} \quad \text{-----} \quad \text{objek} .$$

Walaupun, ilmu yang terhasil melalui persepsi melibatkan hubungan di antara pancaindera dengan objek, namun adakalanya keperluan ini dikecualikan.⁶ Persepsi mengenai tuhan bukanlah ilmu yang terhasil melalui pancaindera. Orang yang mahir dalam bidang yoga mendapat ilmu tanpa menggunakan pancaindernya. Mereka dapat persepsi objek yang jauh, yang terdapat di masa lampau mahupun pada masa depan tanpa sebarang kontek pancaindera mereka dengan objek tersebut.⁷

⁶ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 50.

⁷ *Ibid.* ms. 53.

Inilah sebabnya ada pengikut-pengikut aliran Nyaya mendefinisikan persepsi sebagai pengertian yang diperolehi secara langsung. Kelangsungan pengertianlah yang membezakan ilmu yang diperolehi melalui kaedah persepsi berbanding dengan ilmu yang diperolehi melalui kaedah lain.

Terdapat dua tahap yang berbeza dalam proses persepsi; persepsi tentu (nirvikalpaka) dan persepsi tidak tentu (savikalpaka). Persepsi tentu adalah pengenalan objek dan ciri-cirinya secara mendalam serta secara meluas. Sebaliknya, persepsi tidak tentu adalah pengenalan objek yang dikaji secara kasar, tanpa pengetahuan secara mendalam mengenainya ciri-cirinya.⁸

Oleh kerana kebanyakkan persepsi timbul kerana kontek di antara pancaindera dengan objek maka aliran pemikiran Nyaya seperti aliran pemikiran India yang lain mengidentifikasi lima organ yang terlibat dalam proses persepsi dan ia terdiri dari telinga (pendengaran), kulit (sentuhan), mata (penglihatan), lidah (merasa) serta hidung (bau)⁹. Minda dianggap sebagai organ tambahan dalam persepsi keseronokan, kesakitan dan sebagainya.¹⁰

3.2.3 Inferen (Anumana)

Ia merupakan doktrin yang utama dalam sistem Nyaya. Secara perbandingan ilmu yang diperolehi melalui kaedah ini lebih luas daripada kaedah persepsi. Minda kita yang penuh dengan pelbagai pengalaman - mentafsir dan mendapat ilmu melalui kaedah inferen daripada kaedah persepsi.

⁸ *Ibid.* ms. 178.

⁹ M. Hiriyanna, *Outlines of Indian Philosophy*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1968, ms. 248.

¹⁰ *Ibid.* ms. 175.

Maksudnya adalah ilmu yang diperolehi berikutan ilmu lain. Ilmu inferen adalah ilmu yang diperolehi akibat dari penggunaan ilmu yang lain. Ia dapat dijelaskan dengan contoh berikut:

1. Kenyataan yang hendak dibuktikan : Ada api di bukit tersebut.
2. Sebab musabab : kerana ada asap di situ.
3. Kenyataan universal dengan contoh : Tiada asap tanpa api.
4. Aplikasi : Bukit itu ada asap . Oleh itu ia ada kebakaran (api).
5. Kesimpulan : Oleh itu, bukit itu ada kebakaran (api).¹¹

Ilmu inferen tentang kewujudan api di bukit diperolehi melalui (ilmu) persepsi asap.

3.2.4. Perbandingan (Upamana)

Melalui cara ini, sesuatu nama melambangkan sesuatu benda, yang tidak diketahui dahulu, tetapi diketahui apabila kita membuat perbandingan dengan sesuatu benda yang diketahui. Sebagai contohnya; seorang penduduk bandar tidak tahu maksud lembu liar. Dia belajar dari seorang pegawai hutan mengenai persamaan di antara lembu liar dan seekor lembu. Seterusnya, penduduk bandar ini masuk ke dalam hutan dan melihat seekor binatang menyerupai seekor lembu. Lalu beliau mengimbas kembali maklumat yang diperolehinya dari pegawai hutan mengenai binatang tersebut. Berdasarkan perbandingan

¹¹ P.T. Raju, The Philosophical Traditions of India, George Allen & Unwin Ltd., London, 1971, ms. 139.

maklumat pegawai hutan dan binatang di hutan, penduduk bandar tersebut dapat membuat keputusan bahawa binatang yang dilihat itu adalah seekor lembu liar.¹²

3.2.5 Testimoni / Keterangan (Sabda)

Keterangan diterima sebagai ilmu yang sah apabila ia diberi oleh seorang yang amanah. Seseorang itu dianggap sebagai amanah jika ia tahu kebenaran kejadian dan dapat menyampaikannya secara betul. Pendek kata, nilai sesuatu keterangan bergantung kepada kesempurnaan sumber maklumat iaitu kebenaran dan kelayakan pemberi maklumat.

Keterangan ada dua jenis: Veda dan sekular. Kitab-kitab veda adalah kenyataan dari tuhan. Oleh sebab itu, ia adalah maklumat yang tiada kecacatan mahupun kesilapan. Tetapi keterangan sekular tidak begitu, ia hanya sah jika pemberi maklumat adalah seorang yang amanah. Jika tidak, ia adalah sebaliknya.¹³

3.3 Kategori

Konsep realiti di dalam sistem Nyaya sangat dipengaruhi oleh logik dan epistemologi. Terdapat enam belas kategori yang secara langsung berkait rapat dengan proses pemikiran dan tatacara perdebatan. Kategori-kategori tersebut adalah seperti berikut: Cara-cara mendapat ilmu yang sah (pramana), objek-objek ilmu yang sah (prameya), kesangsian (samsaya), tujuan (prayojana), misalan (drstanta), kesimpulan yang terbukti (siddhanta), keputusan-keputusan

¹² TMP Mahadevan, op.cit. ms. 171.

¹³ S Chaterjee & D. Datta, op.cit. ms. 198.

yang tercapai hasil percambahan dua usul (avayava), membantah suatu syor dengan menunjukkan kesilapannya (tarka), ilmu yang berbentuk muktamad (nirnaya), berdebat untuk mendapatkan kebenaran (vada), berdebat secara membina dan memusnah untuk mencapai kemenangan (jalpa), kecaman (vitanda), taakulan yang salah (hetvabhasa), rungutan (chala), bantahan yang tidak berasas dan tidak berguna (jati) dan poin-poin yang lemah (nigraha-sthana).¹⁴ Persamaan di dalam hampir keenambelas kategori ini adalah ia berdasarkan proses kerasionalan dan seni perdebatan.

3.4 Dunia Objek

Pandangan semesta golongan pemikir nyaya adalah berdasarkan tesis realisme sekaligus menolak tesis subjectivisme yang dikemukakan oleh golongan pemikir yogacara. Menurut nyaya, dunia luaran bukanlah sesuatu yang direka oleh minda; ia adalah benar dan ia dapat diketahui. Sejajar dengan itu, objek-objek yang terdapat dalam dunia ini dapat dianalisa dan tidak akan hilang begitu sahaja seperti kepercayaan golongan pemikir yogacara.¹⁵ Sebaliknya, analisa rasional membuktikan bahwa wujudnya realiti bebas dunia. Untuk menunjukkan kebenaran tesis realisme, golongan nyaya membuat perbandingan pendapat dengan pendapat golongan yogacara. Perbandingan tersebut adalah seperti berikut:

¹⁴ P.T. Raju, op.cit. ms. 136.

¹⁵ *Yogacara* bermaksud pengamalan yoga, namun dalam konteks ini ia bererti satu aliran kecil dalam agama Buddha. TMP Mahadevan, op.cit. ms. 140.

PERBEZAAN DI ANTARA PANDANGAN SUBJEKTIVISME YOGACARA DAN REALISME SISTEM NYAYA DARSANA¹⁶

Pendapat Yogacara (subjektivisme)	Pendapat Nyaya (Realisme)
Benda-benda yang terdapat dalam dunia boleh dianalisa melalui kaedah penaakulan. Namun penaakulan tidak dapat memberi kita sifat-sifat semulajadi benda tersebut. Oleh yang demikian benda-benda yang terdapat dalam dunia sebenarnya tidak wujud.	Pandangan ini disangkal kerana kalau benda-benda dalam dunia ini dapat di analisa ia bermaksud benda tersebut wujud. Jika ia tidak wujud maka ia bererti ia tidak dapat dianalisa.
Benda-benda yang kita lihat dalam mimpi adalah tidak benar. Sama juga semasa kita dalam keadaan sedar benda-benda yang kita lihat adalah tidak benar.	Kalau benda-benda yang kita lihat dalam keadaan mimpi adalah tidak kerana kita tidak melihat nya semasa kita sedar. Maka, benda-benda yang kita lihat dalam keadaan sedar seharusnya benar kerana kita nampaknya.
Kognisi dan benda yang dikognisi adalah sama sahaja.	Kognisi dan benda yang dikognisi adalah berbeza. Kognisi adalah perbuatan yang di kaitkan dengan diri atau subjek manakala benda adalah objek yang dapat diketahui secara umum oleh orang ramai.
Satu benda yang sama nampak berbeza kepada beberapa orang dan kepada orang yang sama di masa yang berbeza. Maka ini bererti tiada benda secara terasing di luar minda manusia.	Satu benda nampak secara berlainan kepada beberapa orang kerana benda-benda mempunyai pelbagai aspek. Ini tidak bererti benda itu tidak wujud.

3.5 Konsep Roh dan Bukti Kewujudan nya

Menurut aliran pemikiran ini, roh adalah sesuatu benda yang bukan material, mempunyai ciri-ciri tertentu dan boleh bertindak, menikmati keseronokan dan sebagainya. Bukti-bukti untuk menunjukkan kewujudan roh adalah, pertama, kesedaran, keseronokan, kesakitan, kehendak dan sebagai nya bukanlah sesuatu yang dikaitkan dengan benda-benda material. Ia adalah dimiliki oleh sesuatu benda yang bukan material iaitu roh¹⁷. Kedua, perkataan "ini" dan "saya"

¹⁶ Ibid. ms. 170.

¹⁷ Ibid. ms. 178.

adalah perkataan yang digunakan dalam percakapan seharian. "Ini" merujuk kepada benda yang tidak melibatkan roh manakala "saya" merujuk kepada diri sekaligus membuktikan wujudnya roh.¹⁸ Ketiga, bayi yang baru lahir melalui air muka menunjukkan perasaan gembira dan sebagainya, ia bukanlah kesan dari tindakan pada masa kini. Perasaan tersebut semestinya dikenal pasti kepada pengalaman di kehidupan yang lalu. Keempat, ketidak samarataan di antara individu dari segi kebahagiaan dan kesusahan menunjukan individu tersebut wujud sebelum ini. Kebahagiaan dan kesusahan yang mereka mengalami adalah berdasarkan tindak tanduk mereka di kelahiran yang lalu. Kelima, cara badan dihasilkan dapat dilihat tetapi cara roh dihasilkan tidak dapat dilihat. Oleh itu, roh adalah kekal abadi. Keenam, kedudukan roh bukanlah di bahagian tertentu badan. Roh bukanlah sesuatu yang mengambil ruang mahupun tidak bergerak dengan badan. Roh meresap keseluruh tubuh badan dan wujud di kesemua bahagian badan pada sesuatu masa. Kesimpulannya ialah roh adalah tanpa cantuman, tiada bahagian, meresapi seluruh bahagian dan ia kekal abadi. Jumlah roh adalah infinit.

3.6 Konsep Tuhan dan Bukti Kewujudannya

Dalam sistem nyaya, tuhan dianggap sebagai maha esa (paramatman) dan meresapi seluruh alam cakerawala ini dan berada di semua tempat serta kekal abadi. Hujah-hujah yang dikemukakan untuk menunjukkan wujudnya tuhan adalah, pertama, hukum sebab-musabab mensyaratkan tanpa sebab tiada kesan. Oleh itu, dunia kita dengan lautan, gunung, makhluk dan segala-gala

¹⁸ *Ibid.*, ms. 179.

benda mesti ada penciptanya atau penyebabnya. Semestinya, ia adalah tuhan kerana dunia ini begitu luas dan rumit. Ia hanya dapat dicipta oleh seorang yang maha wujud dan maha mengetahui.¹⁹ Kedua, percantuman atom menyebabkan pembentukan benda. Secara tersendiri atom-atom ini tidak dapat bergerak dan membentuk benda kerana ia tiada nyawa. Percantuman atom-atom berkemuncak kepada pembentukan dunia. Proses ini tidak dapat berlaku tanpa seorang yang maha mengetahui dan maha berkuasa.²⁰ Orang yang maha mengetahui dan maha berkuasa yang bertanggung jawab bagi pergerakan dan percantuman serta permulaan proses penciptaan dunia ini adalah tuhan. Ketiga, benda-benda berat akan jatuh ke bawah jika ia tidak didukung. Alam cakerawala ini dengan pelbagai planet dan bintang tidak dapat terapung dan berputar tanpa pendukungnya iaitu tuhan.²¹ Keempat, bukan sahaja aspek penciptaan dunia tetapi aspek kemusnahannya memerlukan kuasa tuhan. Kehancuran benda kepada atom, pemusnahan dunia, hanya dapat dilakukan oleh tuhan kerana ilmu dan kuasa untuk melakukannya adalah di luar jangkauan minda manusia.²² Kelima, tiada pertalian di antara suatu perkataan dengan maksudnya. Oleh itu, pada peringkat awal penciptaan semestinya tuhanlah yang menentukan maksud perkataan tersebut. Keenam, terdapat pelbagai kesenian seperti seni mengarang dan sebagainya yang memerlukan seorang yang memberi ilhamnya. Seharusnya ia adalah tuhan. Ketujuh, kitab suci veda adalah gubahan dari kata-kata seorang yang sangat bijak pandai. Ia mestilah hasil

¹⁹ *Ibid.*, ms. 180.

²⁰ S. Radhakrishnan, *op.cit.*, ms. 166.

²¹ *Ibid.*, ms. 180.

²² *Ibid.*, ms. 181.

orang yang maha mengetahui. Hanya tuhan sahajalah yang maha mengetahui. Berdasarkan hujah-hujah tersebut pemikir nyaya membuat simpulan bahwa tuhan adalah pencipta dan pemusnah dunia. Tuhan itu ialah Shiva yang maha wujud, maha mengetahui dan kekal abadi.²³

²³ ms. 181.

BAB 4 : VAISESIKA DARSANA

4.0 Pendahuluan

Sistem Vaisesika merupakan suatu aliran pemikiran yang sangat tua malah lebih awal dari sistem Nyaya darsana.¹ Kedua-dua sistem ini berkait rapat dan dalam arus perkembangannya ia bergabung dan dikenali sebagai Nyaya-Vaisesika.²

Perkataan Vaisesika berasal dari suku kata visesa yang bererti kecemerlangan.³ Pengikutnya memanggilnya sebegini kerana mereka merasa sistem ini lebih cemerlang berbanding dengan sistem-sistem yang lain. Suku kata ini mungkin juga berkaitan dengan doktrin "kekhususan"⁴ sistem ini yang berdasarkan pandangan semesta pluralisme.⁵

Sama seperti sistem Nyaya, Vaisesika berpegang kepada fahaman bahawa alam semesta ini terdiri daripada banyak realiti yang berkaitan di antara satu sama lain secara luaran (Pluralisme). Menurutnya, dunia yang terdiri dari pelbagai benda, hasil gabungan atom-atom, wujud secara bebas di luar pemikiran manusia (Realisme). Sama ada seseorang berfikir atau tidak kewujudan dunia ini adalah benar.⁶

¹ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 177.

² M. Hiriyanna, *op.cit.* ms. 225.

³ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 185.

⁴ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 175.

⁵ **Pluralisme** adalah doktrin yang menegaskan bahawa realiti terdiri dari tiga atau lebih komponen yang berbeza dan tidak dapat disatukan sebagai contohnya tuhan, roh-roh dan dunia. S.S. Subramuniyaswami, *op.cit.* ms. 785.

⁶ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 185.

4.1 Latar belakang dan perkembangan

Pengasas sistem ini adalah seorang bernama Uluka Kanada Kasyapa. Karyanya Vaisesika Sutra di jangka di karangkan selepas 300 sebelum masih.⁷ Vaisesika Sutra mengandungi 10 bab dan setiap bab dibahagikan kepada dua (2) bahagian. Pengikut dan pengulas terawal sistem ini adalah Prasastapada, Vyomasiva, Sridhara, Udayana dan Sivaditya.⁸

4.2 Teori Ilmu

Dalam sistem ini terdapat dua (2) cara untuk mendapat ilmu yang sah iaitu persepsi dan inferen. Kaedah perbandingan dan testimoni atau keterangan dianggap sebagai sebahagian dari inferen.⁹




⁷ *Ibid.*, ms. 185.


⁸ E. Frauwallner, *History of Indian Philosophy*, Motilal Banarsi Dass, Dehli, India, 1973, ms. 5.
⁹ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.*, ms. 224.

4.3.0 Kategori

Kategori bermaksud secara literal maksud sepatah perkataan. Satu kategori adalah suatu objek yang boleh difikir dan dinamakan. Terdapat tujuh kategori yang terdiri daripada bahan (dravya), kualiti (guna), aktiviti (karma), umum (samanya), khusus (visesa), inheren (samavaya), dan tidak wujud (abhava).¹⁰



4.3.1 Bahan (Dravya)



¹⁰ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 188.

Tanah, air, api dan udara adalah dalam bentuk atom yang tidak dapat dipisahkan dan abdi.¹¹ Benda-benda komposit dalam kategori ini adalah pasu, tasik dan sebagainya yang akan menjadi atom apabila dilarutkan mahupun dimusnahkan. Ether adalah elemen seperti empat bahan tersebut tetapi ia tidak terdiri dari atom. Ia adalah infinit dan tidak dapat menghasilkan apa-apa juga.¹² Masa dan ruang adalah bahan infinit seperti ether, ia menentukan keadaan objek-objek terbitan seperti pasu dan sebagainya. Ruang berbeza dari ether kerana ia mengisinya. Diri adalah sesuatu bahan yang berbentuk kerohanian. Roh adalah maha wujud dan kekal abadi. Tetapi ia dibataskan oleh psycho-fizikal organisma yang ia menduduki semasa transmigrasi roh. Sifat-sifat diri adalah kognisi, keinginan, kebencian, kemahuan, keseronokan, kesakitan, kebaikan, keburukan dan sebagainya. Selepas roh terpisah daripada badan ia tidak mempunyai sebarang sifat termasuk kesedaran. Minda adalah bahan terakhir yang berbentuk atomik dan abadi. Ia tidak menghasilkan sebarang benda. Diri mempunyai minda nya yang menjadi alat untuk mengenal sahaja, ia kaku dan tidak dapat bergerak. Melalui minda lah diri dapat merasakan pelbagai pengalaman serta melalui proses transmigrasi.¹³

4.3.2 KUALITI


Uluka Kanada pengasas aliran pemikiran Vaisesika mendefinisikan kualiti sebagai sesuatu yang mempunyai bahan sebagai asasnya, tidak mempunyai

¹¹ S. Chaterjee & D. Datta, op.cit. ms. 228.

¹² Ibid., ms. 228.

¹³ Ibid., ms. 229.

kualiti lain, bukan penyebab, tidak mempunyai kaitan dengan penggabungan dan pemisahan.¹⁴




4.3.3 Aktiviti (karma)

Aktiviti terdiri dari keatas, kebawah, pengecutan, penggabungan dan daya bergerak. Aktiviti atau karma mempunyai maksud yang istimewa dalam sistem Vaisesika dan merujuk kepada pergerakan fizikal.¹⁵ Ia didefinisikan sebagai

¹⁴ *Ibid.*, ms. 230.

¹⁵ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 189.

sesuatu yang hanya menduduki satu badan, tanpa kualiti, dan sebab musabab bagi penggabungan dan pemisahan.¹⁶



LIMA JENIS AKTIVITI


4.3.4 Keumuman (Samanya)

Keumuman terdapat dalam bahan, kualiti dan aktiviti. Ia adalah ciri keturunan yang terdapat dalam anggota sesuatu kelas.¹⁷ Oleh sebab seseorang individu memiliki ciri-ciri biasa ini ia menjadi anggota kelas tersebut sebagai contohnya ciri kebinatangan dan kemanusiaan.

¹⁶ *Ibid.*, ms. 190.

¹⁷ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.*, ms. 235.

Terdapat tiga jenis gred bagi keumuman. Gred yang pertama dan tertinggi adalah kemanusiaan (para), gred kedua adalah tanah (para – para) dan gred yang ketiga dan terendah adalah pasu (apara).¹⁸



TIGA GRED KEUMUMAN

4.3.5. Kekhususan (Visesa)


Kekhususan adalah ciri utama yang membezakan satu individu dengan individu yang lain. Dua atom yang terdapat di bumi adalah sama dari semua segi. Namun kalau ada dua sudah semestinya setiap satu mempunyai ciri yang berbeza. Begitu juga dengan diri kita sudah tentu ada sifat khusus yang menandakan perbezaan kita dengan orang lain.¹⁹

¹⁸ TMP Mahadevan, op.cit., ms. 190.

¹⁹ S. Chaterjee & D. Datta, op.cit., ms. 237.

4.3.6 Inheren (Samavaya)

Inheren adalah hubungan yang rapat di antara bahan yang tidak boleh diasingkan. Terdapat lima jenis ketidak terasingan dalam inheren iaitu bahan dan kualiti, bahan abadi dan bahan khusus, bahan dan aktiviti, khusus dan umum dan akhir sekali keseluruhan dan bahagian.²⁰




LIMA JENIS KEUMUMAN

4.3.7 Ketidak wujudan (Abhava)

Ketidakwujudan adalah nama yang diberikan kepada semua fakta yang negatif. Ia didefinisikan sebagai sesuatu yang bukan inheren mahupun tidak mempunyai inheren. Terdapat empat jenis ketidak wujudan seperti berikut; ketidak wujudan sebelum penciptaan, ketidak wujudan mutlak, ketidak wujudan bertimbang balik dan ketidak wujudan kerana pemusnahan.²¹

²⁰ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 190.

²¹ *Ibid.*, ms. 192.



EMPAT JENIS KETIDAKWUJUDAN

4.4. Teori Atomik²²

Pemikir Vaisesika mempercayai bahawa semua benda-benda material yang terdapat dalam dunia ini terbentuk hasil gabungan atom.²³ Atom adalah zarah yang paling kecil dan ia tidak dapat di bahagikan lagi. Kepelbagaiannya yang terdapat dalam benda wujud kerana jumlah atom yang bergabung untuk membentuk sesuatu benda adalah berbeza. Oleh itu, semua benda adalah sama sahaja dalam erti kata bahawa ia terdiri dari gabungan atom yang sejenis. Sistem ini menolak kecampuran pelbagai atom. Apabila atom benda-benda dimusnahkan ia mengakibatkan perpecahan benda-benda kepada bentuk asalnya iaitu atom. Pemusnahan mutlak mahupun kekal tidak wujud kerana atom adalah abadi.²⁴

²² Teori atomic sistem Vaisesika di pengaruhi oleh pemikir peradaban Yunani, S. Radhakrishnan, op.cit. ms. 202.

²³ Ibid., ms. 195.

²⁴ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 194.

4.5 Teori Sebab Musabab

Dalam sistem Nyaya-Vaisesika darsana penyebaban bermaksud penghasilan sesuatu yang baru. Menurutnya, sebab dan akibat adalah berbeza, iaitu sebelum sesuatu benda di hasilkan ia tidak wujud dalam sebab.²⁵ Sebagai contohnya, sebuah cawan (akibat) yang diperbuat daripada tanah liat tidak wujud di dalam tanah liat (sebab). Teori penyebaban ini dikenali sebagai arambha-vada, di mana semua benda dianggap berasingan dan patut dibezakan dengan benda yang lain termasuk sebab dan akibat.²⁶ Maka ini lah yang mengakibatkan pandangan semesta sistem ini berbentuk pluralistik.²⁷

4.7 Sifat dan nasib roh

Roh dianggap sebagai benda kerohanian dan bukannya benda material. Kewujudannya dapat dibuktikan melalui inferen dan dengan merujuk kepada kitab suci veda. Sifat semulajadi roh adalah ia abadi, infinit dan meresapi seluruh tubuh badan.²⁸

Kejahilan dan kuasa tidak kelihatan menyebabkan roh mengidentifikasi dirinya dengan badan dan minda sekaligus terperangkap dalam kitaran kelahiran dan kematian (samsara).²⁹

Pengamalan etika murni dan pemerolehan ilmu adalah cara untuk mendapat kebebasan dari samsara. Ilmu yang dimaksudkan adalah kebenaran mengenai perhubungan di antara roh, badan dan minda. Apabila seseorang mengetahui

²⁵ S.N. Dasgupta, *op.cit.* ms. 320.

²⁶ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms.194.

²⁷ *Ibid.*, ms. 194.

²⁸ *Ibid.*, ms. 197.

²⁹ *Ibid.*, ms. 198.

bahawa minda, tubuh badan dan segala benda duniawi adalah hanya gabungan atom yang tidak berkekalan serta menyedari sifat semulajadi roh yang kekal abadi maka ia akan terlepas dari samsara sekaligus mencapai kebebasan, apavarga.³⁰

³⁰ *Ibid.* ms. 198.

BAB 5 : SANKHYA DARSANA DAN DUALISME BENDA DAN ROH

5.0 Pendahuluan

Sankhya darsana adalah sistem yang berdasarkan realisme, dualisme¹ dan pluralisme.² Ia adalah realisme kerana sistem ini menerima realiti kewujudan dunia luaran; ia juga adalah dualisme kerana ia berdasarkan dua realiti yang berbeza di antara sama lain iaitu roh dan benda; ia juga adalah pluralisme kerana ia percaya kepada kewujudan pelbagai roh.³

Berbeza dari sistem Nyaya-Vaisesika yang menerima kewujudan pelbagai benda dan roh, dalam sistem ini kesatuan dicapai dalam persoalan dunia kebendaan sementara kepelbagaian dikekalkan dalam persoalan alam roh.

5.1 Asal usul dan perkembangannya

Pengasas sistem ini adalah seorang petapa yang bijaksana bernama Kapila. Karyanya, Sankhya Sutra terdiri dari (6) enam bab yang dikarangkan pada abad ke 14 masihi.⁴ Antara pengikut utama ajaran ini adalah Asuri, Pancasikha dan Varsaganya.⁵

Sankhya membawa ertikata "ilmu pengetahuan diskriminatif" dan "ilmu pengetahuan yang di perhitungkan". Kedua-dua istilah digunakan kerana roh dikenalpasti berbeza dengan benda secara diskriminatif manakala perhitungan

¹ **Dualisme** adalah doktrin yang menegaskan bahawa realiti terdiri dari dua komponen yang berbeza dan tidak dapat disatukan iaitu benda dan roh. N.V. Banerjee, *The Spirit of Indian Philosophy*, Arnold Heinemann Private Ltd., New Dehli, 1974, ms. 174.

² TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 202.

³ *Ibid.*, ms. 202.

⁴ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 253.

⁵ *Ibid.*, ms. 253.

merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapat prinsip dan kategori ilmunya.⁶

5.2 Konsep Minda


Dua kategori asas yang diidentifikasi oleh pemikir sistem ini adalah roh (purusa) dan benda (prakrti). Roh dan benda bukanlah subjek untuk pengalaman kerana roh ada lahir kesedaran tulen, ia tidak terikat dan tiada pertalian dengan apa-apa juga manakala benda adalah sesuatu bahan yang tidak dapat melihat maupun merasai.⁷

Menurut pemikir Sankhya Darsana, evolusi yang pertama dari bahan asas (prakrti) adalah intelek (mahat / buddhi) dan ego (ahankara); dari ego muncul pula minda (manas).⁸ Ketiga-tiga organ dalam (antahkarana) ini bergabung untuk membentuk apa yang di rujuk dalam bahasa Inggeris sebagai "minda". Namun minda bukanlah agen pengalaman. Agen pengalaman wujud apabila roh bergabung dengan minda untuk menghasilkan apa yang di sebut sebagai vrtti. Vrtti melalui pancaindera adalah punca bagi seseorang mengalami perasaan suka duka, pemahaman, kehendak dan lain-lain jenis pengalaman.

⁶ T. Bernard, op.cit. ms. 84.

⁷ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 205.

⁸ Ibid., ms. 205.



Konsep Minda Menurut Sankhya Darsana⁹


⁹ Ibid., ms. 205.

5.3 Ilmu Dan Kebenaran

Ilmu pengetahuan diperolehi apabila subjek menggunakan vrtinya terhadap objek.



Sistem Sankhya, hanya menerima tiga (3) cara mendapat ilmu sah iaitu persepsi (pratyaksa), inferen (anumana) dan testimoni (sabda).¹⁰



¹⁰ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 297.

5.4 Teori sebab musabab

Teori sebab-musabab yang dianjurkan oleh Sankhya dikenali sebagai sat-karyavada atau parinama-vada. Ia adalah amat berbeza dari teori yang diutarakan oleh vaisesika.¹¹

Menurut teori ini, sebab musabab adalah manifestasi apa yang sedia wujud dalam keadaan tersembunyi di dalam sebab. Sebagai contohnya, minyak sudah sedia wujud dalam biji bijan. Memicinya hanya sekadar menunjukkan wujudnya minyak dan bukan menghasilkannya. Hasilnya sudah sememangnya wujud dalam sebabnya iaitu biji bijan. Oleh yang sedemikian, sebab musabab hanyalah sekadar manifestasi atau transformasi apa yang sedia wujud dalam sebab.¹²

5.5.0 Purusa dan Prakrti

Menurut metafizik Sankhya yang berbentuk dualistik terdapat dua kategori utama yang amat berbeza iaitu purusa (roh) dan prakrti (benda). Perbezaan kedua-duanya adalah seperti berikut:¹³

PERBEZAAN DI ANTARA ROH (PURUSA) DAN BENDA (PRAKRTI)

BIL.	ROH	BENDA
1	Roh sedar tetapi tidak aktif .	Benda aktif tetapi tidak sedar .
2	Roh tidak berubah dan tulen .	Benda sentiasa berubah dan berevolusi untuk membentuk dunia .
3	Roh adalah banyak .	Benda hanya satu .

¹¹ N.V. Banerjee, op.cit. ms. 178.

¹² S. Radhakrishnan, op.cit. 257.


¹³ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 212.

Walaupun ciri roh dan ciri benda bertentangan namun kerjasama kedua-dua kategori ini yang mengakibatkan evolusi dunia. Benda berevolusi kerana kewujudan roh. Evolusi adalah untuk mendatangkan kenikmatan kepada roh serta untuk membebaskan roh dari kelahiran semula (moksa).¹⁴

5.5.1 Prakrti dan Evolusi

Bahan asas yang wujud sebelum bermulanya proses evolusi adalah prakrti. Ia juga dikenali sebagai pradhana kerana ia adalah sumber utama dari mana evolusi bermula. Selain itu, ia disebut avyakta kerana sebelum permulaan evolusi, ia berada dalam keadaan tidak manifestasi.¹⁵

Prakrti terdiri dari gabungan tiga (3) jenis gunas iaitu sattva, rajas dan tamas.¹⁶



Sattva adalah bahan intelek yang membentuk apa yang halus dan ringan. Rajas adalah bahan tenaga yang bertanggungjawab untuk aktiviti. Tamas pula adalah jisim yang menjadi sebab bagi benda-benda berat dan kasar.¹⁷

¹⁴ *Ibid.*, ms. 213.

¹⁵ S. Radhakrishnan, *op.cit.*, ms. 287.

¹⁶ P.T. Raju, *op.cit.*, ms. 162.

Prakrti yang berada dalam keadaan tegang dan aktif berevolusi untuk menghasilkan mahat. Mahat bermaksud yang maha agung kerana ia adalah benih bagi evolusi benda-benda yang seterusnya.¹⁸ Dari mahat, yang agung berevolusi lah ego (ahankara). Selepas itu, proses evolusi itu bercabang dua, cabang yang pertama adalah yang berbentuk tidak fizikal yang mengevolusikan minda (manas) lima organ kognitif pancaindera (pendengaran, sentuhan, penglihatan, rasa dan bau) dan lima organ konatif pancaindera (percakapan, pemahaman, pergerakan pengumuhan dan pembriakan).¹⁹

Cabang kedua, iaitu evolusi fizikal berkembang untuk menhasilkan lima intipati halus yang di kenali sebagai tanmantras (intipati bunyi, sentuhan, warna, rasa, bau).²⁰ Ini diikuti pula dengan lima elemen kasar yang disebut sebagai mahabhutas yang terdiri dari ether, udara, api, air dan bumi.²¹


¹⁷ TMP Mahadevan, op.cit., ms. 214.

¹⁸ Swami Prabhavananda, *The Spiritual Heritage of India*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1962, ms. 217.

¹⁹ *Ibid.*, 217- 218.

²⁰ TMP Mahadevan, op.cit., ms. 215-216.

²¹ Swami Prabhavananda, op.cit., 218.



TAHAP-TAHAP EVOLUSI PRAKRTI

Evolusi prakrti berlaku supaya purusa (roh) boleh menikmati keseronokan.²²

Analogi yang digunakan untuk menjustifikasi evolusi prakrti untuk purusa adalah seperti seekor lembu menghasilkan susu untuk anaknya.²³


²² TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 217.

²³ *Ibid.*, ms. 217.

5.5.2 PURUSA - sifat semulajadi dan nasibnya

Roh (purusa) secara semulajadi adalah kesedaran tulen, tidak aktif dan penikmat. Ia tiada kelahiran mahupun kematian, tidak berubah, kekal abadi.²⁴ Sebenarnya, roh bukanlah subjek yang mengalami pelbagai cabaran dan pengalaman hidup.²⁵ Identifikasi roh dengan minda yang mengakibatkannya terjebak dalam kejahilan serta mewujudkan imaginasi bahawa roh adalah penikmat pahit manis hidup.²⁶ Apabila roh dapat mengetahui kebenaran ini dan hubungannya dengan prakrti maka ia terlepas dari kitaran samsara (kelahiran dan kematian) sekaligus mencapai ketenangan rohani.²⁷

Menurut sistem ini terdapat dua jenis kebebasan roh dari kelahiran semula (moksa). Jenis yang pertama adalah kebebasan roh yang dicapai sementara masih hidup dan menetap dalam tubuh badan yang disebut sebagai Jivan mukti. Jenis kedua adalah kebebasan dicapai selepas kematian, apabila semua perbuatan karma seseorang dihapuskan roh dibebaskan dari tubuh badan, cara ini di gelar Videha mukti.²⁸



Dua (2) jenis moksa sistem sankhya darsana

²⁴ Swami Prabhavananda, op.cit., ms. 279.

²⁵ Ibid., ms. 279.

²⁶ TMP Mahadevan, op.cit., ms 218-219

²⁷ Ibid., ms. 219.

²⁸ Swami Prabhavananda, op.cit., ms. 297.

Cara yang disyorkan untuk mencapai pembebasan dari kitaran samsara adalah dengan mengikuti langkah yang termaktub dalam sistem yoga darsana, yang mempunyai kaitan rapat dengan sistem sankhya.²⁹

5.6 Tuhan

Sistem sankhya berpegang kepada konsep atheisme, oleh itu ia tiada tempat bagi tuhan dalam aliran pemikirannya.³⁰ Menurut pemikirnya tuhan tidak diperlukan bagi mewujudkan dunia kerana dunia berevolusi dari prakrti. Prakrti tidak memerlukan sesuatu kuasa ghaib untuk menjanakannya kerana ia dapat bergerak secara sendiri.

Juga, tuhan tidak diperlukan untuk menentukan nasib roh, dan pembebasan roh ditentukan oleh perbuatan baik dan buruk (karma) individu tersebut.³¹

²⁹ *Ibid.*, ms. 297.

³⁰ TMP Mahadevan, *op.cit.*, ms. 220.

³¹ *Ibid.*, ms. 220.

BAB 6 :SISTEM YOGA UNTUK KAWALAN MINDA

6.0 Pendahuluan

Perkataan yoga berasal dari suukata ‘yuj’ yang bermaksud ‘menyatukan’ roh individu (jivatman) dengan roh dunia (paramatman).¹ Sistem ini tidak mempunyai metafiziknya yang tersendiri lalu ia menerima metafiziknya dari sistem sankhya dan membentuk sebuah kaedah dimana matlamat seseorang manusia untuk mencapai moksa dapat diperolehi melalui amalan yoga.²

Melalui amalan yoga roh (purusa) dan benda asas (prakrti) dapat diasingkan melalui proses kawalan minda.³ Kawalan minda disyorkan kerana dalam mindalah kewujudan roh dikenang; dan kesemua masalah yang dialami oleh roh berpunca dari kesilapannya mengidentifikasi dirinya dengan pemantulan yang berlaku di minda. Jika minda dapat ditenangkan, dilapangkan dan kalau tidak ada sebarang pemantulan, roh dapat mengenalpasti sifat semulajadinya dan dapat melepaskan diri dari perangkap benda asas. Kaedah dimana perkara ini dapat dicapai ialah melalui amalan yoga.⁴

6.1 Latar belakang dan perkembangannya

Sistem ini bermula pada tahun 300 masehi dan pengasasnya adalah Patanjali yang telah mengarangkan karya Yoga-sutra.⁵ Karya ini terdiri dari empat bab yang disebut sebagai padas. Bab pertama bertajuk **Samadhi pada** yang

¹ Swami Prabhavananda, op.cit. ms. 226.

² P.T. Raju, op.cit. ms. 165.

³ J.H. Woods, The Yoga – System of Patanjali, Motilal Banarsidass, Dehli, India, 1972, ms. 8.


⁴ J. Varenne, Yoga and the Hindu Tradition, The University of Chicago Press, Chicago, 1976, ms. 6.

⁵ S. Radhakrishnan, op.cit. ms. 341.

membincangkan mengenai cara-cara membenamkan diri secara sepenuhnya dalam meditasi (samadhi). Bab kedua pula adalah **Sadhana-pada**, ia membicarakan cara-cara untuk mencapai matlamat yoga . **Vibhuti-pada**, bab yang ketiga, menerangkan kuasa luar biasa yang diperolehi melalui latihan yoga. Bab keempat, **Kaivalya-pada** menjelaskan sifat-sifat semulajadi seseorang yang telah mencapai pembebasan (moksa).⁶ Antara pengikut utama sistem ini adalah Hiranyagarbha, Vyasa, Raja Bhoja dan Vijnanabhiksu.⁷

6.2.0 Konsep Minda

Dalam sistem yoga minda disebut sebagai **citta** yang terhasil dari benda asas (**prakrti**)⁸. Komposisi minda, oleh itu, terdiri dari tiga kualiti (**gunas**) iaitu bahan kepandaian (**sattva**), tenaga (**rajas**) dan jisim (**tamas**).⁹



Dari ketiga-tiga kualiti tersebut, kepandaian merupakan kualiti utama minda. Kualiti kepandaian ini menimbal balik dengan kesedaran lalu menyebabkan

⁶ TMP Mahadevan, *op.cit.*, ms. 224.

⁷ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 291.


⁸ S. Radhakrishnan, *op.cit.*, ms. 845.

⁹ *Ibid.*, ms. 845.

berlakunya modifikasi minda. Modifikasi minda ini mengakibatkan seseorang salah sangka bahawa roh adalah punca pengalaman yang dialaminya. Kesilapan ini berlaku kerana identifikasi salah yang mengaitkan roh dengan modifikasi minda. Apabila seseorang menyedari modifikasi minda tiada kaitan dengan roh maka roh terlepas dari pengabdian kepada badan dan minda sekaligus mencapai pembebasan (moksa) dari kitaran kelahiran dan kematian (samsara).¹⁰

6.2.1 Kategori Modifikasi Minda

Terdapat lima kategori modifikasi minda, kategori pertama adalah kognisi benar (pramana) yang hanya dapat diperolehi melalui persepsi, inferen dan bukti.¹¹ Kategori kedua, adalah kognisi salah (viparyaya) yang berlaku kerana konsep yang salah mengenai sesuatu benda, akibatnya tidak wujud sebarang hubungan diantara konsep dan benda. Kategori ketiga, keempat dan kelima adalah imaginasi (vikalpa), tidur (nidra) dan ingatan (smrti).¹²



¹⁰ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 225.


¹¹ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 349.

¹² *Ibid.* ms. 350.

Kelima-lima kategori modifikasi minda mungkin terganggu dan bukan terganggu.

Bagi modifikasi minda yang bukan terganggu ia mempunyai ilmu diskriminatif bagi membolehkannya mencapai pembebasan roh (moksa). Manakala, kategori modifikasi minda terganggu menambahkan karma yang menghalangnya dari mencapai pembebasan (moksa) dengan mengikatkan roh kepada badan dan minda.¹³

Modifikasi minda terganggu terdiri dari kejahilan (avidya), egoisme (asmita), perikatan (raga), kebencian (dvesa) dan kecekalan untuk hidup (abhinivesa).¹⁴




Kelima-lima aspek ini dapat diatasi dengan usaha yang berterusan (Abhyasa) dan dengan perasaan tanpa pengaruh (Vairagya). Selain itu, seseorang itu perlu memiliki ilmu diskriminatif bagi membolehkannya membezakan di antara roh dan yang bukan roh. Ilmu diskriminatif ini dapat diperolehi melalui latihan yang panjang dan berterusan.¹⁵

¹³ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 225.

¹⁴ *Ibid.*, ms. 226

¹⁵ *Ibid.*, 227.

Latihan ini disebutkan sebagai Lapan Langkah Yoga (Astanga-yoga).¹⁶ Kelapan-lapan langkah tersebut dapat dikategorikan di bawah tiga peringkat. Peringkat pertama adalah Latihan Etika terdiri dari Ketiadaan (Yama) dan Amalan (Niyama), peringkat kedua adalah Pengawalan Badan, Pernafasan Dan Pancaindera yang terdiri dari Posisi Tubuh (Asana), Menarik Balik Pancaindera Dari Objek-Objek (Pratyahara), dan peringkat ketiga ialah Tahap-Tahap Kawalan Minda yang terdiri dari Perhatian Tetap (Dharana), Meditasi (Dhyana) dan Tumpuan (Samadhi).¹⁷



¹⁶ P.T. Raju, *op.cit.* ms. 168.

¹⁷ A.L. Basham, *The Wonder That Was India: A Survey of the Indian Sub-continent Before the Coming of the Muslims*, Sidgwick & Jackson, London, 1967, ms. 328.


6.3.0. Peringkat Pertama : Latihan Etika

Akhhlak yang mulia menjadi pra-syarat kemajuan kerohanian, tanpanya **kemajuan kerohanian** akan terbantut.¹⁸ Inilah sebabnya keenam-enam aliran pemikiran India menekankan peri pentingnya latihan etika.

Sistem yoga pula, menganjurkan dua latihan etika bagi kemajuan **kerohanian** iaitu ketiadaan (Yama) dan amalan (Niyama).¹⁹ Kedua-dua latihan etika ini dapat membantu menghindari minda dari gangguan unsur-unsur negatif **seperti kejahanan dan egoisme serta membersihkan minda dari unsur-unsur seperti emosi, nafsu dan kemalasan.**²⁰

6.3.1. Langkah Pertama: Ketiadaan (Yama)

Ketiadaan bermaksud mematuhi lima larangan utama iaitu tidak **mencedera, tidak berbohong, tidak mencuri, tidak berkahwin dan tidak memiliki harta.**



Tidak mencedera bermaksud tidak menimbulkan sebarang jenis kesakitan dalam bentuk fizikal, mental mahupun melalui kata-kata kesat terhadap mana-mana mahluk. Tidak bohong (Kebenaran) bererti semua kata-kata yang diluahkan tidak

¹⁸ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 302.


¹⁹ *Ibid.* ms. 302.

²⁰ *Ibid.* ms. 303.

harus mempunyai unsur kepalsuan, penipuan, kesalahan dan kekosongan. Percakapan dan perbualan mestilah membawa kesejahteraan umum dan bebas dari pembohongan dan kebinasaan. Tidak mencuri bermakna menentang kecenderungan untuk mengambil harta sah milik orang lain. Mengidam harta orang lain adalah haram. Tidak berkahwin membawa ertikata kebolehan untuk mengawal hawa nafsu seks / bersetubuh; hubungan luar nikah diharamkan sama sekali. Tidak memiliki harta mahupun mencari kekayaan dilarang kerana perbuatan ini akan menimbulkan pelbagai reaksi negatif yang akan mengganggu gugat perasaan, pemikiran dan aqidah. Sikap bantu membantu tanpa mengharapkan sebarang bentuk ganjaran perlulah disemai.²¹

6.3.2. Langkah Kedua : Amalan (Niyama)

Terdapat lima peraturan yang mesti diamalkan: Kesucian (Sauca), Kepuasan Hati (Santosa), Daya Tahan (Tapas), Pengajian (Svadhyaya) dan Berbakti Kepada Tuhan (Isvara-pranidhana).²²



²¹ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 229.

²² J. Sinha, *Outlines of Indian Philosophy*, Sinha Publishing House, Calcutta, 1963, ms. 304-305.

Kesucian (Sauca) merangkumi aspek dalaman dan luaran. Kesucian luaran adalah tindakan membersihkan diri dari segala kekotoran yang terdapat di tubuh badan. Sementara, kesucian dalaman adalah mengeluarkan segala 'kecatatan' yang terdapat dalam minda.²³

Kepuasan hati adalah ketiadaan nafsu keinginan untuk memperolehi harta benda yang melampaui keperluan hidup.²⁴ Daya tahan melambangkan latihan yang membolehkan seseorang berdaya tahan kepanasan, kesejukan, berpuasa, bersenyap dan sebagainya.²⁵ Pengajian adalah amalan membaca kitab-kitab suci sambil berzikir, ia akan membantu untuk mencapai kebebasan (moksa). Berbakti kepada tuhan adalah amalan mengabdikan segala tindakan dan hasil tindakan kepada tuhan yang maha esa.²⁶

Peringkat Kedua : Pengawalan Badan , Pernafasan Dan Pancaindera

Tahap kedua dalam bidang yoga terdiri dari pemupukan posisi badan yang tegap, pengawalan pernafasan dan menarik balik pancaindera dari objek.

6.3.3. Langkah Ketiga: Posisi Badan (Asana)

Patanjali, pengasas sistem yoga, mendefinisikan asana sebagai posisi badan yang stabil dan sesuai untuk memberi kebahagiaan.²⁷ Tujuan asana dilakukan adalah untuk mendisiplinkan badan bagi mendapatkan posisi badan yang sesuai bagi bermeditasi dan bertumpuan. Oleh itu, sejak awal-awal lagi, pengikut sistem

²³ S. Chaterjee & D. Datta, op.cit. ms. 303.

²⁴ J. Sinha, op.cit. ms. 306.

²⁵ TMP Mahadevan, op.cit. 231.

²⁶ Ibid.,ms. 231.

²⁷ Swami Prabhavananda, op.cit. ms. 251.

yoga mestilah memupuk kemahiran supaya ia mempunyai posisi badan yang teguh dan tegap.

Menurut karya Yogasara-sangraha terdapat pelbagai posisi badan namun tiga gaya badan yang penting adalah padmasana, ardhasana dan svastikasana. Padmasana adalah untuk duduk bersila sambil meletakkan kedua-dua tapak kaki keatas kedua-dua paha. Ardhasana adalah untuk meletakan tapak kaki di antara paha dan lutut. Semasa melakukan ketiga-tiga posisi tersebut, dada, leher dan kepala perlulah berkedudukan tegak.²⁸

6.3.4. Langkah Keempat : Kawalan Nafas (Pranayama)

Pranayama adalah teknik untuk mengatur dan menahan fungsi pernafasan. Tujuannya adalah untuk mengawal minda dan seterusnya membantu dalam mencapai Samadhi (Tumpuan). Tindakan menarik nafas kedalam dipanggil puraka; menghembus pula recaka; dan menghentikan nafas, kumbhaka.²⁹ Matlamat latihan pranayama adalah untuk menjadikan jangkamasa diantara puraka, recaka dan kumbhaka panjang. Pranayama dan langkah-langkah lain mengenai yoga mesti ditutur dari seorang guru yang bertauliah.³⁰

6.3.5. Langkah Kelima : Menarik Balik Pancaindera Dari Objek-Objek (Pratyahara)

Menarik balik pancaindera dari segala objek adalah langkah kelima yoga. Kesempurnaan dalam latihan ini hanya dapat dicapai jika minda terkawal

²⁸ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 232.

²⁹ P.T. Raju, op.cit. ms. 169.

³⁰ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 232.

sepenuhnya. Menjinakkan minda adalah penting untuk penjinakkan pancaindera.³¹

Peringkat Ketiga: Tahap-Tahap dalam Kawalan Minda

Tiga langkah terakhir dalam tahap kawalan minda yang menjadi intipati yoga sebenar adalah perhatian tetap (Dharana), meditasi (Dhyana) dan tumpuan (Samadhi).³²

6.3.6. Langkah Keenam: Perhatian Tetap (Dharana)

Perhatian tetap adalah kebolehan untuk mefokuskan minda pada satu tempat tanpa membenarkannya merayau. Minda yang berfokus terhadap satu objek ini dipenuhi dengan kualiti kepandaian (Sattva) dan sekaligus menyediakan minda untuk naik ke tahap yoga.

6.3.7. Langkah Ketujuh : Meditasi (Dhyana)

Meditasi adalah arus mental berterusan tanpa sebarang gangguan terhadap objek yang sama. Apabila proses pemikiran adalah berterusan ia berada dalam keadaan dhyana.³³

6.3.8. Langkah Kelapan: Tumpuan (Samadhi)

Kematangan proses meditasi digelar tumpuan (Samadhi).³⁴ Ia adalah kemuncak proses kawalan minda dan seseorang yang mencapai tahap ini dikatakan

³¹ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 357.


³² TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 233.

³³ Swami Prabhavananda, *op.cit.* ms. 257.

³⁴ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 305-306.

terbenam dalam keadaan kekhusukan. Ini adalah kerana roh telah dinaikan kestatus asalnya melampaui dunia fizikal.³⁵

Bagaimanapun, samadhi terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk sedar dan bentuk kesedaran tertinggi.



Dalam samadhi sedar (samprajnata) minda terus berfungsi walaupun minda yogi tertumpu dan merenung terhadap objek tertentu. Dalam kesedaran tertinggi (asamprajnata) pula, kesedaran terhadap objek hilang, minda berhenti fungsinya dan roh terbiar secara tersendiri untuk mengalami matlamat terakhirnya (Kaivalya).³⁶

6.4. Kepentingan Ilmu Yoga

Di samping mencapai moksa, penguasaan ilmu yoga membolehkan seseorang memiliki kuasa luar biasa.³⁷ Namun, Patanjali menasihatkan bahwa kesempurnaan samadhi adalah matlamat yoga dan bukannya untuk memiliki kuasa luar biasa.

³⁵ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 358.

³⁶ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 236.

³⁷ J. Varenne, *op.cit.* ms. 11.

6.5 Konsep Tuhan

Walaupun, sistem yoga meminjam metafiziknya dari sistem sankhya yang menolak kewujudan tuhan namun sistem yoga menerima kewujudan tuhan. Kebaktian kepada tuhan adalah nilai positif yang perlu diterapkan untuk berjaya dalam latihan yoga. Tuhan, menurut Patanjali, adalah objek perhatian tetap, meditasi dan tumpuan.³⁸ Tuhan dapat membantu pengikut yoga dengan mengatasi segala rintangan yang menjadi penghalang dalam mencapai matlamatnya. "OM" adalah simbul sebutan nama tuhan.³⁹

³⁸ Radhakrishnan, op.cit. ms. 369.

³⁹ A.L. Basham, op.cit. ms. 328.

Bab 7 : FALSAFAH RITUAL MIMAMSA

7.0 Pendahuluan

Mimamsa bermaksud inkuiiri, pemeriksaan atau penyiasatan kitab-kitab Veda untuk membuktikan autoritinya.¹ Ia juga dikenali sebagai Karma-Mimamsa kerana ia menyokong dan mendukung segala ritual yang terkandung dalam bahagian Brahmana kitab-kitab Veda.² Menurutnya, semua ritual yang dituntut oleh kitab-kitab Veda adalah benar dan perlu dipatuhi untuk mencapai moksa.³ Pandangan semestanya adalah hampir sama dengan pluralistik realisme⁴ yang dianjurkan oleh sistem Nyaya-Vaisesika.

7.1 Latar Belakang dan Perkembangan

Sistem Mimamsa telah diusahakan secara bertulis dan sistematik oleh Jaimini melalui karyanya Purva-Mimamsa-Sutra pada tahun 400 sebelum masihi.⁵ Walaupun begitu, beliau bukanlah pencipta pemikiran ini yang sudah sememangnya wujud dalam masyarakat zaman itu.

¹ T. Bernard, op.cit. ms 121.

² Terdapat empat veda iaitu Rig-veda, Yajur veda, Sama veda dan Atharva veda. Setiap dari keempat-empat veda meliputi tiga fasa, iaitu Brahmana, Aranyaka dan Upanishad. Brahmana adalah koleksi-koleksi prosa tentang panduan dan diskusi tentang upacara-upacara. Ia menekankan bahawa upacara mengekalkan alam semesta dan terdapat persamaan antara kosmos mikro dan makro. R. Rajakrishnan & M. Rajantheran, op.cit. ms. 40-41.

³ J. Sinha, op.cit. ms. 266.

⁴ Pluralisme adalah satu konsep yang menekankan bahawa komponen kewujudan adalah benar dan bukanlah ciptaan kesedaran mahupun tuhan. S.S. Sivasubramuniyaswami, op.cit. ms. 785.

⁵ S. Radhakrishnan, op.cit. ms. 376.

Purva-Mimamsa-Sutra terdiri dari dua belas bab (adhyayas); setiap bab terbahagi kepada beberapa bahagian (padas) dan setiap bahagian terbahagi kepada beberapa topik (adhikaranas).⁶

Tatacara yang diikuti untuk menjelaskan setiap adhikarana adalah seperti berikut.⁷ Pertama, satu ayat diambil dari veda sebagai subjek untuk penyiasatan (visaya-yaksa). Kedua, kesangsian (samsaya) timbul mengenai erti sebenar ayat veda yang disiasat. Ketiga, ini diikuti dengan satu kenyataan yang dibuat sepantas lalu (purva - paks). Keempat, kenyataan ini disangkal (uttara – paks) kemudian. Kelima, satu kesimpulan dibuat secara muktamad (nirnaya).

Dua pengulas utama karya Purva-Mimamsa-Sutra adalah Upavarsa dan Sabara (200 T.M.). Ulasan Sabara telah diterjemahkan oleh dua ilmiawan terkemuka Prabhakara (650 T.M.) dan Kumarila Bhatta (700 T. M.). Perbezaan yang wujud dalam penterjemahan ulasan Sabara oleh kedua-dua ilmiawan mengakibatkan kemunculan dua aliran kecil dalam sistem Mimamsa iaitu aliran Prabhakara dan aliran Bhatta.⁸

7.2.0 Ilmu dan sumber-sumber ilmu

Persoalan epistemologi adalah sangat penting dalam sistem Mimamsa kerana tujuannya adalah untuk membuktikan kesahihan testimoni lisan yang terdapat dalam veda. Kognisi sah dikenali sebagai prama dan cara-cara yang digunakan untuk mendapatkan ilmu yang sah dikenali sebagai pramana.⁹ Sistem ini


⁶ TMP Mahadevan , op.cit. ms. 239.

⁷ Ibid., ms. 239.

⁸ S. Dasgupta, op.cit. ms. 372.

⁹ S. Chaterjee & D. Datta, op.cit. ms. 318.

mengiktiraf enam cara (pramana) mendapat ilmu yang sah iaitu melalui persepsi (pratyaksa), inferen (anumana), perbandingan (upamana), testimoni (sabda), andaian (arthapatti) dan ketidak-kognisian (anupalabdhi).¹⁰




7.2.1. Persepsi (pratyaksa)

Seperti sistem Nyaya, ia mendefinisikan persepsi sebagai ilmu yang terhasil dari kontek diantara diri, minda dan pancaindera dengan objek.

$$\text{Persepsi} = \text{Diri} + \text{Minda} + \text{Pancaindera} \longrightarrow \text{Objek}$$

Terdapat dua tahap yang berbeza dalam persepsi iaitu persepsi tidak tentu dan persepsi tentu.¹¹



Persepsi tidak tentu adalah pemerhatian kasar atau sekadar kesedaran yang boleh diumpamakan dengan kognisi seorang bayi yang baru lahir. Persepsi tentu adalah objek yang sekelas diingat serta ciri-ciri persamaan dan perbezaan


¹⁰ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 243.

¹¹ J. Sinha, op.cit. ms. 321.

diperhatikan. Cara persepsi luar biasa, persepsi melalui yoga, yang diiktiraf oleh sistem Nyaya, tidak mendapat pengiktirafan sistem Mimamsa.¹² Menurut sistem ini, hanya veda sahaja yang dapat memberi ilmu mengenai objek yang jauh, peristiwa-peristiwa lepas dan pada masa depan.

7.2.2. Inferen (anumana)

Apabila hubungan universal diketahui wujud di antara dua benda, maka berdasarkan persepsi salah satu benda kita dapat mengetahui benda lain melalui inferen. Terdapat dua jenis inferen iaitu pratyaksatodrsta dan samanyakatodrsta.¹³



Pratyaktodrsta adalah berdasarkan persepsi hubungan langsung manakala Samanyakatodrsta adalah persepsi berdasarkan hubungan umum.

7.2.3. Perbandingan (Upamana)

Definisi perbandingan yang diberikan oleh sistem ini adalah berbeza dari sistem Nyaya-Vaisesika. Contoh yang diberikan oleh sistem Mimamsa untuk menjelaskan definisi perbandingan adalah seperti berikut. Setelah masuk ke hutan seorang penghuni bandar nampak seekor lembu liar dan melihat

¹² S. Radhakrishnan, op.cit, ms. 385.

¹³ Ibid., ms. 386.

persamaannya dengan seekor lembu. Lalu dia membandingkan lembu dengan lembu liar dan mendapati bahawa lembu mirip kepada lembu liar. Kognisi ini adalah berdasarkan perbandingan.¹⁴

7.2.4. Andaian (Arthapatti)

Andaian didefinisikan sebagai proses ilmu yang menjadikan sesuatu difahami melalui tanggapan betul sesuatu yang lain.¹⁵ Sebagai contohnya, jika kita tahu seorang itu masih hidup dan apabila kita pergi ke rumahnya dia tidak berada di situ maka kita membuat andaian berdasarkan percambahan dua fakta iaitu dia masih hidup dan dia tidak berada di rumah; oleh itu, dia berada di sesuatu tempat di luar rumahnya.¹⁶

7.2.5. Ketidak Kognisian (Anupalabdhi)

Kewujudan sesuatu benda diketahui melalui persepsi atau lain-lain pramana tetapi ketidak wujudan sesuatu benda pula, diketahui melalui ketidak kognisian.¹⁷

Sebagai contohnya kita ambil sebuah dewan di mana tidak wujud seekor gajah. Ketidak wujudan gajah dalam dewan tersebut diketahui melalui ketidak kognisian.¹⁸

¹⁴ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 245.

¹⁵ J. Sinha, op.cit. ms. 326

¹⁶ Ibid., ms. 326.

¹⁷ Radhakrishnan, op.cit. ms. 394.

¹⁸ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 247.


7.2.6. Testimoni Lisan (sabda)

Cara mendapatkan ilmu yang terunggul sekali adalah melalui testimoni lisan.

Kitab-kitab veda merupakan sabda yang tertinggi sekali kerana ia bukan ciptaan manusia dan ia kekal abdi.¹⁹

7.3 Objek-objek ilmu

Terdapat lapan kategori objek ilmu yang terdiri dari bahan (dravya), kualiti (guna), aktiviti (karma), keumuman (samanya), inheren (paratantrata), kekuasaan (sakti), persamaan (sadrsha) dan nombor (sankhya).²⁰



Tiga objek ilmu yang pertama iaitu bahan, aktiviti dan kualiti adalah sama seperti yang digalurkan oleh sistem Nyaya-Vaisesika. Keumuman (Samanya) ia dapat dilihat wujud secara menyeluruh di setiap individu, ia tidak dapat wujud secara terpisah dari individu.²¹ Inheren (Paratantrata) adalah hubungan diantara yang tidak dapat diasangkan seperti sejagat dan khusus.²² Kekuasaan (Sakti) adalah kuasa yang terdapat dalam bahan, kualiti, aktiviti dan keumuman.²³ Hakikatnya dapat dilihat dari kesan yang ia menghasilkan. Persamaan (Sadrsha) tidak dapat

¹⁹ S. Chaterjee & D. Datta, op.cit. ms. 321.

²⁰ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 256.

²¹ Ibid., ms. 256.

²² Ibid., ms. 256.

²³ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 256.

diketahui melalui persepsi, ia dikenalpasti melalui inferen, perbandingan atau testimoni.²⁴ Nombor menjadi sebahagian dari kualiti dalam sistem Nyaya - Vaisesika tetapi dalam sistem ini ia dianggap sebagai kategori yang terasing.

7.4 Keunggulan Kitab-Kitab Suci Veda

Kitab-kitab suci veda tidak dicipta oleh manusia kerana nama penulisnya tidak disebut. Juga, ia tidak dikarya oleh tuhan, kitab-kitab suci veda adalah abadi. Keabdian veda adalah berdasarkan kekuatan teori filologi. Teori filologinya menyarankan bahawa hubungan di antara sepatah perkataan dan maksudnya adalah semulajadi dan oleh itu ia adalah abadi. Sepatah perkataan adalah penggabungan beberapa huruf yang tidak boleh diceraikan (niravayava), maha wujud (sarvagata) dan abadi (nitya). Setiap huruf mempunyai bunyi tertentu dan ia mesti dibezakan dengan cara sebutannya (dhvani). Bunyi huruf 'a' seumpamanya, boleh disebut dalam beberapa nada dan pelbagai cara tetapi sebutannya masih sama. Sepatah perkataan terdiri hanyalah dari sejumlah huruf. Erti yang dinyatakan oleh perkataan adalah sejagat. Perkataan-perkataan adalah abadi dan sejagat adalah abadi. Oleh itu, hubungan di antaranya juga adalah abadi.²⁵

Namun, hanya veda diiktiraf sebagai abadi dan bukannya karya-karya lain kerana susunan perkataan di dalam kitab-kitab veda adalah tetap. Perkataan-perkataan di veda tidak disusun oleh mana-mana agen, manusia maupun tuhan. Pengikut Mimamsa berpendapat bahawa veda mengajar kewajipan

²⁴ *Ibid.*, ms. 256.

²⁵ *Ibid.*, ms. 251.

agama (dharma) dan mendorong manusia melakukan kewajiban agama. Dengan melakukan dharma seseorang itu akan mendapat kebaikan yang tidak biasa.²⁶

7.5. Sebab Musabab Dunia

Rata-rata pandangan umum pemikiran India mengenai dunia ini adalah ia telah dicipta dan akan dimusnahkan dalam satu jangkamasa tertentu. Namun, pandangan ini tidak diterima oleh sistem Mimamsa yang menolak anggapan penciptaan dan pemusnahan dunia secara menyeluruh.²⁷

Ia menganggap dunia ini adalah seperti mana ia ada pada hari ini, ia tidak pernah sebaliknya dan proses dunia ini tidak berkesudahan. Oleh itu, tidak perlu kita mengatakan tuhan sebagai dalil untuk penciptaan dunia.²⁸

Kita juga tidak perlu menganggap kewujudan tuhan sebagai sumber bagi veda kerana veda adalah abadi, ia tidak digubah oleh manusia mahupun tuhan. Selain itu, tuhan mahupun dewa-dewi tidak diperlukan untuk membawa tuah kepada orang yang menjalankan upacara vedik. Tuah akan dibawa oleh kuasa ghaib yang muncul semasa penyelenggaraan upacara pengorbanan.²⁹

7.6. Metafizik

Sama seperti sistem Nyaya-Vaisesika, pandangan metafizik sistem adalah realisme.³⁰ Ia bertanggapan dunia luaran bukanlah maya atau rekaan semata-mata. Kognisi manusia tidak terapung di atas angin, ia mempunyai asas yang

²⁶ Swami Prabhavananda, op.cit. ms. 267.

²⁷ TMP Mahadevan, op.cit. 257.

²⁸ Ibid., ms. 257.

²⁹ S. Dasgupta, op.cit. ms. 399.

³⁰ J. Sinha, op. cit. ms. 317.

cukuh. Sepastinya ia merujuk kepada benda di dunia luaran. Dunia ini adalah senar, ia bebas dari persepsi minda. Minda tidaklah mereka-reka objek yang dilihat, ia sekadar menjumpainya.

7.7. Roh

Menurut sistem Mimamsa, diri atau roh adalah salah satu dari bahan-bahan. Ia berbeza dari badan fizikal, pancaindera dan minda.³¹ Roh adalah entiti tetap dan abadi. Ia adalah agen untuk segala tindakan dan penikmat segala hasil tindakan. Selepas kematian, roh berhijrah dari satu badan ke badan yang lain, ia pergi ke syurga dan menerima nikmatnya; akhirnya ia dibebaskan dari perikatan karma. Setiap badan mempunyai roh yang berlainan. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis roh (pluralisme).³² Matlamat manusia adalah untuk mencapai pembebasan (moksa), yang hanya dapat diperolehi dengan melakukan ritual-ritual Vedik.³³

³¹ S. Dasgupta, op.cit. ms. 399.


³² TMP Mahadevan, op.cit. ms. 258.

³³ Swami Prabhavananda, op.cit. ms. 267.

BAB 8 :THEISTIK VEDANTA

8.0. Pendahuluan

Vedanta atau Uttaramimamsa merujuk terutamanya kepada upanisad, yang merangkumi bahagian hujung veda.¹ Juga, ia adalah nama bagi aliran falsafah yang berbeza, yang berasaskan upanisad.² Di dalam upanisad realiti terunggul, Brahman, dilihat dalam dua (2) cara iaitu kosmik (Saprapanca) dan bukan kosmik (Nisprapanca).³



Tradisi theistik vedanta menganjurkan pandangan kosmik manakala tradisi bukan dualistik menaja pandangan bukan kosmik yang dianggap sesuai dan lebih tinggi bagi menggambarkan realiti terunggul.⁴

8.1. Sejarah dan perkembangan

Terdapat tiga sumber asas vedanta iaitu upanisad, bhagavad-gita dan brahma-sutra.⁵ Secara bersama-sama ketiga-tiga sumber asas dirujuk sebagai

¹ A.L. Basham, *op.cit.* ms. 330.

² Terdapat empat veda iaitu Rig-veda, Yajur-veda, Sama-veda dan Atharva-veda. Setiap veda meliputi tiga fasa, iaitu Brahmana, Aranyaka dan Upanisad. Upanisad menerangkan aspek falsafah agama vedik dan Vedanta adalah aspek falsafah yang terdapat dalam kempat-empat veda tersebut di atas. R. Rajakrishnan & M. Rajantheran, *op.cit.* ms. 41.

³ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 354.

⁴ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 261.

⁵ *Ibid.* ms. 261.

prasthana-traya, yang bermaksud tiga kanun vedanta. Upanisad dikenali sebagai sruti- prasthana yang bermaksud teks asas yang didengar. Bhagavad-gita yang menjadi sumber sekunder veda adalah setaraf dengan upanisad dan dikenali sebagai smrti-prasthana, yang bermaksud teks asas yang diingat. Kanun ketiga adalah Brahma-sutra yang dianggap sebagai nyaya-prasthana kerana ia menyusun ajaran vedanta secara logikal.⁶

8.1.1. Brahma – sutra

Karya ini dikarang pada 400 sebelum masihi oleh Badarayana yang diidentifikasi dengan Vyasa, penyusun kitab veda.⁷ Ia terbahagi kepada empat bab (adhyayas) setiap bab dibahagikan kepada empat komponen (padas) setiap komponen pula dibahagikan kepada beberapa bahagian dan setiap bahagian terdiri dari satu atau lebih aforisme.⁸

8.2. Aliran Utama

Terdapat empat aliran utama dalam vedanta iaitu aliran Visistadvaita⁹, Dvaita-Vedanta¹⁰, Dyaitadvaita¹¹ dan Advaita¹².

⁶ *Ibid.*, ms. 261.

⁷ T. Bernard, *op.cit.* ms. 138.

⁸ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 262.


⁹ *Visistadvaita* adalah aliran falsafah yang diasaskan oleh Ramanuja dimana realiti dianggap sebagai satu dan bukannya dua dan roh adalah sebahagian dari tuhan tetapi ia tidak sama dengan tuhan. Swami Subraminiyaswami, *op.cit.* ms. 857.

¹⁰ *Aliran fasafah ini diasaskan oleh Madhva* ia berpegang kepada doktrin theism (tuhan peribadi), realisme (menerima dunia luaran sebagai benar), dualisme (fahaman yang menganggap realiti terdiri dari dua prinsip yang berbeza dan tidak dapat disatukan, dan pluralisme yang membezakan di antara tuhan dan roh, satu roh dengan roh yang lain, tuhan dan benda, roh dengan benda dan satu benda dengan benda yang lain).

¹¹ *Aliran falsafah ini diasaskan oleh Nimbarka* ia menganggap roh dan benda adalah berbeza dan bukan berbeza dari Brahman. Ia menganggap realiti bebas hanyalah Brahman.


8.3.0. Sumber ilmu

Secara umumnya, terdapat tiga cara untuk mendapat ilmu yang sah iaitu melalui persepsi, inferen dan bukti lisan.¹³



8.3.1. Persepsi

Terdapat dua jenis persepsi iaitu persepsi tentu dan persepsi tidak tentu.



Persepsi tidak tentu adalah ilmu penuh yang diperolehi dari persepsi sesuatu benda diperingkat awal manakala persepsi tentu adalah ilmu yang diperolehi dari persepsi benda yang sama pada kali kedua dan seterusnya. Perbezaan diantara kedua-duanya adalah dalam persepsi tentu rujukan lalu diambil kira manakala dalam persepsi tidak tentu tidak ada rujukan kepada kajian lepas.¹⁴

¹² **Advaita** adalah aliran falsafah yang oleh seorang wali dan tokoh falsafah hindu yang bernama Shankara, beliau menegaskan realiti terdiri daripada satu prinsip, bahan atau tuhan tanpa sebarang bahagian yang bebas (monisme). Swami Subramuniyaswami, *op.cit.* ms. 715.

¹³ S. Radhakrishnan, *op.cit.* ms. 672.

¹⁴ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 308.

8.3.2. Inferen

Dalam sistem Visistadvaita Vedanta, inferen adalah sama seperti dalam sistem Nyaya. Namun dalam sistem ini, inferen tidak boleh digunakan untuk membuktikan sesuatu benda atau perkara menjangkaui pancaindera atau di luar kajian empirikal. Oleh itu, inferen tidak boleh digunakan untuk membuktikan kewujudan tuhan.¹⁵

8.3.3. Bukti Lisan

Bukti lisan yang terdapat dalam bentuk kitab adalah sumber ilmu yang tertinggi sekali kerana hanya ia sahaja lah kaedah yang dapat memberi ilmu mengenai Brahman. Kitab-kitab veda, agamas, epik dan purana adalah bukti lisan yang autoritatif dan menjangkaui pancaindera manusia.¹⁶

8.4.0. Kategori

Terdapat dua kategori utama iaitu bahan (dravya) dan bukan bahan (adravya).¹⁷

Kategori Utama

<i>Bahan (Dravya)</i>	<i>Bukan Bahan (Adravya)</i>
Benda Semulajadi (Prakrti)	Lima Kualiti (bunyi, sentuhan, warna, rasa dan bau)
Masa (Kala)	Tiga guna prakrti (Sattva , rajas dan tamas)
Benda Tulen (Suddha-Sattva)	Sakti (sakti)

¹⁵ S. Radhakrishnan, op.cit. ms. 308.

¹⁶ Ibid. ms.674.

¹⁷ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 271.

Penyebab Kesedaran (Dharma-bhuta-jnana)	Samyoga (penghubung)
Jiwa (Jiva)	
Tuhan (Isvara)	

8.4.1. Benda Asas (Prakrti)

Prakrti adalah benda asas dalam sistem sankhya tetapi dalam sistem ini ia berbeza kerana ia terdiri daripada tiga kualiti tersendiri iaitu kepandaian (sattva), tenaga (rajas) dan jisim (tamas).¹⁸ Ketiga-tiga kualiti ini bukanlah intipati benda asas. Sebagai kualiti ia tidak dapat diceraikan dari benda asas namun ia bukanlah identikal dengannya. Prakrti tidaklah bebas dari roh, ia adalah lebih rendah darinya. Hubungan diantara roh dan benda adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan.¹⁹

8.4.2. Masa (Kala)

Masa, seperti benda, bukanlah kesedaran. Ia bukan seperti ruang kerana ruang berpunca dari benda tetapi masa tidak. Masa adalah penyelaras benda dan ia terkandung dalam Brahman. Sama seperti benda ia subjek kepada perubahan (parinama).²⁰

¹⁸ J. Sinha, op.cit. ms. 426.

¹⁹ Ibid., ms. 427.

²⁰ M. Hiriyanna, op.cit. ms. 404.

8.4.3. Benda tulen (Suddha-sattva)

Benda tulen adalah alam tulen berbeza dari prakrti yang menjadi bahan asas yang mana segala benda di dunia ini diperbuat. Ia adalah benda dari dunia abadi, yang lebih tinggi dari prakrti. Dunia kerohanian dan tempat kediaman tuhan, visnu-narayana, ini menjadi syurga bagi roh.²¹

8.4.4. Penyebab kesedaran (Dharma-bhuta-jnana)

Dharma-bhuta-jnana tidak kaku mahupun sedar ia adalah bukan kaku. Walaupun ia dikenali sebagai penyebab kesedaran, ia adalah bahan dan penyebab. Ia dikenali sebagai bahan kerana ia adalah asas bagi perubahan dan ia dikenali sebagai penyebab kerana ia mencirikan roh-roh dan tuhan.²²

8.4.5. Jiwa (jiva)

Jiwa adalah intipati roh, infinit dan bersaiz atomik. Dalam keadaan terikat, roh mendapat badan sepadan dengan perbuatannya (karma) dalam kehidupan lalu, ia bertransmigrasi, dan melalui proses kelahiran dan kematian berturut-turut (samsara) sehingga ia mencapai pembebasan (moksa).²³

Roh adalah agen dan penikmat segala tindakan yang dilakukan. Oleh itu, ia mengalami pelbagai perasaan yang ia sendiri menghasilkan. Berdasarkan pelbagai pengalaman yang dialami oleh roh maka sistem ini menganggap terdapat pelbagai jenis roh (pluralisme).²⁴ Jenis pertama, adalah roh abadi (nitya)

²¹ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 273.


²² P.T. Raju, op.cit. ms. 191.

²³ J. Sinha, op.cit. ms. 417-418.

²⁴ Ibid., ms. 417.

yang tidak pernah terikat dan tinggal di indera kayangan (Vaikuntha) serta berada dalam keadaan bahagia dan bebas dari samsara.²⁵ Jenis kedua, roh bebas (mukta) adalah roh yang bebas dari perikatan. Jenis ketiga, roh terikat (baa'dha) adalah roh-roh yang masih terperangkap dalam kitaran samsara kerana kejahilan dan ego. Ia dapat memperolehi kebebasan (moksa) melalui ilmu dan bakti.

Roh adalah sebahagian daripada tuhan dan ia bergantung kepada tuhan untuk sokongan. Hubungan diantara roh dengan tuhan tidak dapat dipisahkan. Roh berkait rapat dan bergantung kepada tuhan seperti badan bergantung kepada tuhan.



Jenis – Jenis Roh


8.5. Tuhan (Isvara)

Tuhan diidentifikasi dengan Visnu-Narayana dan dia adalah sama dengan Brahman yang disebut dalam upanisad. Beliau dianugerahkan dengan kebenaran, kebaikan, kecantikan dan kebahagiaan. Tuhan bersifat (saguna) dan tidak bersifat (nirguna), nirguna tidak bermaksud tuhan tanpa sifat-sifat, ia bererti tuhan bersifat melainkan sifat-sifat buruk dan jahat. Tidak wujud sebarang realiti

²⁵ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 275.

selain, atau terpisah dari tuhan, semua roh dan benda adalah benar dalam lingkungan tuhan.²⁶

Tuhan juga muncul dalam lima bentuk iaitu maha agung (para), kumpulan (vyuha), penjelmaan (avtaras), mahawujud (antaryamin) dan patung-patung suci (arcavatara).²⁷



Tuhan sebagai maha agung menjangkaui dunia dan mempunyai enam (6) sifat iaitu ilmu, kemegahan, kuasa, kekuatan, tenaga dan kecemerlangan. Tuhan dalam bentuk kumpulan terdiri dari empat jenis iaitu vasudeva, samkarsana, pradyumma dan aniruddha. Menurut kitab suci Bhagavad – gita, tuhan menjelma (**avatara**) dalam dunia apabila kebenaran merosot dan kejahatan meningkat, untuk melindungi kebenaran dan menghukum yang jahat, sekaligus menegak dharma. Tuhan sebagai mahawujud meresapi seluruh alam cakerawala dan merupakan pemerintah dalam segala benda dan makhluk yang terkandung didalamnya.²⁸

8.6. Sebab-musabab kejadian dunia

²⁶ S. Chaterjee & D. Datta, *op.cit.* ms. 417.

²⁷ TMP Mahadevan, *op.cit.* ms. 276.

²⁸ *Ibid.*, ms. 277.

Teori yang dianjurkan oleh Visistadvaita mengenai sebab musabab dunia dikenali sebagai parinama-vada.²⁹ Menurut teori ini, sebab-musabab adalah sekadar manifestasi apa yang sedia wujud dalam keadaan tersembunyi didalam sebab. Dunia ini wujud didalam tuhan dan berada dalam keadaan tidak bermanifestasi. Penciptaan hanyalah sekadar manifestasi dunia dari tuhan dan kehancuran dunia adalah keadaan sebaliknya. Dunia ini menjadi sebahagian dari tuhan, diperbuat dari tuhan, oleh tuhan.

8.7. Metafizik

Menurut Visistadvaita terdapat tiga realiti terunggul (tattva-traya); tuhan (Isvara), jiwa (cit) dan benda (acit). Dari ketiga-tiga ini, hanya tuhan sahajalah realiti bebas, jiwa dan benda bergantung kepada tuhan. Hubungan diantara mereka boleh diumpamakan seperti jiwa dengan badan. Tuhan adalah jiwa bagi segala jiwa dan seluruh alam. Walaupun benda dan roh adalah berbeza dari tuhan tetapi kedua-duanya tidak dapat dipisahkan dari tuhan kerana hubungan mereka bukan sahaja luaran tetapi hubungan dalaman yang tidak dapat dipisahkan.

8.8 Ajaran Praktikal

Empat tahap disarankan untuk mencapai tuhan. Tahap pertama adalah dikenali sebagai karma-yoga dimana segala tindakan mesti dilakukan tanpa keinginan untuk hasilnya.³⁰ Akibatnya, minda akan menjadi suci dan bersedia ke tahap kedua iaitu jnana-yoga. Melalui jnana-yoga seseorang dapat mengenali diri

²⁹ J. Sinha, op.cit. ms. 429.

³⁰ Radhakrishnan, op.cit. ms. 703-704.

sebenar, ia dapat membezakan jiwa dari badan dan minda serta mengetahui bahawa jiwa bergantung kepada tuhan, kerana tuhan adalah jiwa bagi segala jiwa.³¹ Tahap seterusnya adalah bakti-yoga, langkah ini bermaksud mencurahkan kasih sayang yang mendalam, bertafakur dan meditasi terhadap tuhan.³² Tahap keempat adalah prapatti yang memerlukan penganut untuk menyerahkan seluruh jiwa raganya kepada tuhan tanpa ego dan sebarang keinginan.³³

³¹ Swami Prabhavananda, op.cit. ms. 313.

³² S. Radhakrishnan, op.cit. ms. 705.

³³ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 279.

9.0 Pendahuluan

Tiada satu peradaban dalam dunia ini yang mempunyai keinginan yang kuat dan abadi untuk falsafah seperti mana yang terdapat di peradaban India. Di peradaban India falsafah menjadi minat utama dan amalan hidup masyarakat India. Falsafah peradaban India adalah lebih tua daripada falsafah peradaban lain termasuk peradaban Yunani. Falsafah India Klasik telah mempengaruhi tokoh-tokoh pemikir dunia seperti Plato, Pythagoras dan lain-lain. Victor Cousin seorang sarjana terkemuka percaya bahawa India adalah tanah bagi ilmu falsafah tertinggi.¹

9.1 Matlamat Falsafah India Klasik

Semua sistem falsafah India klasik sepakat dalam matlamat falsafah adalah untuk penghapusan kesedihan dan penderitaan. Kaedahnya adalah dengan memperolehi ilmu mengenai kebenaran hakiki benda. Lantaran, ilmu kebenaran ini dapat membebaskan manusia daripada perikatan kepada kejahilan yang menjadi punca kesengsaraan manusia.

Falsafah India klasik tidak melatih pengikutnya untuk melihat kebenaran metafizik. Falsafah India klasik menawarkan satu cara pemikiran yang membolehkan seseorang untuk memahami secara rasional realiti yang telah dialami oleh tokoh-tokoh yang terkabul dan sempurna, dengan itu falsafah India klasik memimpin seseorang untuk menyedari mengenai kebenaran.

¹ T. Bernard, Hindu Philosophy, Jaico Publishing House, Mumbai, 1998. m.s. 275.

Dalam hal ini, falsafah boleh dilihat sebagai kemahiran hidup dan bukannya teori-teori mengenai alam semesta, kerana falsafah bererti mencapai cita-cita tertinggi manusia, bukan sekadar menemukan tetapi memahami kebenaran.

Terdapat tiga (3) tahap seorang pengikut dapat mencapai kesedaran mengenai keadaan sebenar benda-benda. Ketiga-tiga tahap tersebut adalah keimanan, pemahaman dan kesedaran.

Tahap pertama adalah dengan menerima hukum alam semulajadi yang diajar oleh tokoh-tokoh pemikir agung dahulukala. Tahap kedua adalah melalui proses analisis, pengikut dapat mencapai keyakinan rasional dan logikal. Penaakulan dan spekulasi tidak dapat membawa pengikut menyedari prinsip rohani yang melampaui pengetahuan manusia. Penaakulan hanya sekadar membantu dan menjadi garisan panduan penaakulan pengikut. Tahap ketiga, membolehkan pengikut untuk bersatu dan bersama dengan realiti terunggul, iaitu melalui amalan yoga.

9.2 Persamaan-Persamaan Dalam Sistem Astika Darsana

Kesemua enam sistem falsafah bersepappendat dalam beberapa perkara penting. Kesemua sistem dalam astika darsana ini dikarang dalam bentuk sutra, aforisme yang ringkas, padat, tanpa perkataan yang berulang-ulang dan menjimatkan perkataan dengan itu menjadikan karyanya sukar difahami secara tepat dalam bentuk asal tanpa ulasan kerana setiap sistem memberi maksud yang berbeza bagi perkataan yang sama.

Penerimaan veda sebagai sumber autoritatif menunjukkan bahawa astika darsana berakar-umbi dari kitab-kitab suci ini. Pemikir-pemikir Hindu terpaksa menggunakan warisan khazanah yang mereka mewarisi untuk memastikan pendapat mereka dapat difahami dengan mudah.

" All orthodox schools of philosophy recognize the authority of the Vedas. They cite the authority of the upanisads in support of their views, and build up their systems of philosophy on rational speculation in harmony with the teachings of the Vedas."²

Persoalan mengenai keabsahan dan cara mendapatkan ilmu membentuk bab terpenting setiap sistem. Semua aliran falsafah mempunyai teori ilmu yang tersendiri. Teori ilmu ini menjadi bahagian pelengkap metafiziknya. Kata hati inferen dan veda diterima oleh semua sistem. Penaakulan adalah lebih rendah taraf berbanding dengan intuition. Kehidupan manusia tidak dapat difahami secara sepenuhnya melalui penaakulan logikal sahaja. Kesedaran diri bukanlah kategori tertinggi dalam dunia. Terdapat sesuatu yang melampaui kesedaran diri dan ini dikenali sebagai kata hati, pendedahan, kesedaran kosmik dan visi tuhan. Kejadian ini tidak dapat dijelaskan sepenuhnya. Falsafah India klasik memutuskan bahawa roh adalah melebihi logik dan menegaskan budaya berdasarkan logik atau sains mungkin effisyen, tetapi ia tiada ilham.

"In India, however, it was very early realized that the total reality which is the content of philosophy cannot be adequately known through intellect. Analysis is the main of the intellect. But by cold analysis we shall not be able to catch or experience the living reality. Logical reasoning can yield only mediate knowledge. The aim of philosophy is not to stop with a theoretic understanding of the real but to have an immediate awareness of it. And so, a method which is higher than reasoning and takes the thread where the latter drops it is necessary. The method is usually referred to as that of intuition."³

² J. Sinha, op.cit. ms. 17.

³ TMP Mahadevan, op.cit. ms. 4-5.

Astika darsana menentang sama sekali kecurigaan golongan Buddha yang menafikan kebenaran kewujudan dunia ini. Aliran yogacara Buddha menegaskan bahawa tiada realiti di luar minda, dunia luaran hanyalah fiksyen dan illusi, kesedaran adalah segala-galanya. Menurut astika darsana, dunia ini berterusan sejak abadi dan akan berterusan, dunia luaran bukanlah illusi atau hayalan minda tetapi objektif. Asal-usul dunia ini dapat dijejaki kepada prakrti abadi, atau maya atau atom. Astika darsana percaya bahawa semua yang ada permulaan semestinya ada pengakhiran. Semua benda yang terdiri daripada bahagian-bahagian adalah tidak abadi mahupun dapat hidup selama-lamanya. Individu yang benar tidak dapat diceraikan. Yang benar bukanlah dunia yang terbentang di ruang dan masa; kerana sifat semulajadinya sentiasa berubah dan tidak tetap. Ada sesuatu yang lebih mendalam dari ini dan ia adalah atom dan roh, atau purusa dan prakrti atau brahman.

Juga, astika darsana berpegang kepada teori irama besar dunia, di mana suatu jangkamasa yang panjang terlibat dalam penciptaan, pemeliharaan dan pemusnahan dunia yang berterusan tanpa penamatan. Penciptaan dan pemusnahan tidak bermaksud permulaan baru dan pemusnahan kosmos secara keseluruhan. Dunia baru membentuk tahap seterusnya dalam sejarah kosmos, dimana kuasa baik dan kuasa jahat yang tidak kehabisan diberi peluang untuk memenuhi kepuasannya. Ia bererti manusia diberikan peluang sekali lagi untuk mencapai kesedaran. Proses dunia yang berterusan tanpa berputus-putus tiada permulaan.

Astika darsana berhasrat untuk pembebasan roh (moksa) , pemulihan roh kepada keadaan sempurna tanpa dosa dan kesilapan. Dalam hal ini semua sistem dalam astika darsana ada kaedah-kaedahnya yang tersendiri dan tertentu untuk roh dapat mencapai keadaan sempurna dan bebas dari sebarang gangguan, kesedihan dan penderitaan hidup yang akan mengakibatkannya untuk lahir semula.

Astika darsana berpegang kepada konsep jivanmukti iaitu seseorang manusia boleh mencapai kebebasan (moksa) semasa ia masih hidup. Dia tidak perlu mati untuk mencapai kebebasan.

Lagi satu kepercayaan asas astika darsana adalah bahawa dunia ini menurut hukum-hukum yang telah ditentukan oleh tuhan (takdir), namun manusia mempunyai kehendak untuk mencorakkan nasibnya.

Juga, astika darsana percaya kepada kelahiran semula dan kelahiran sebelum ni.

"Our life is a step on a road, the direction and goal of which are lost in the infinite. On this road, death is never an end or an obstacle but at most the beginning of new steps".⁴

Semua manusia melalui kitaran kelahiran dan kematian (samsara) kerana kejahilannya yang mengikatkan rohnya terhadap badan dan minda. Apabila ia mendapat ilmu benar mengenai hubungan rohnya dengan tuhan maka dia mencapai kebebasan, moksa.

Kesemua sistem menerima dharma sebagai undang-undang moral dunia yang menentukan kitaran abadi alam semulajadi dan nasib roh manusia.

Radhakrishnan, op.cit. ms. 27.

Satu lagi aspek falsafah India klasik adalah kecenderungannya kearah kerohanian dengan menolak aspek materialisme dan naturalisme. Walau pun bidang falsafah dan bidang agama dalam astika darsana adalah berlainan namun kedua dua bidang tidak terpisah dan berkait rapat.

Semua sistem menuntut kepentingan kasih sayang tanpa kepentingan sendiri, aktiviti tanpa mengharapkan sebarang hasil, kesucian hati, mendapat ilmu yang benar, kepatuhan kepada hukum-hukum varna dan asrama serta amalan yoga sebagai pra syarat untuk roh bebas dari kitaran kelahiran dan kematian (samsara) sekaligus mencapai kebebasan mutlak (moksa), dengan bersatu bersama tuhan.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN SISTEM ASTIKA DARSANA

Sistem	Nyaya Darsana	Vaisesika Darsana	Sankhya Darsana	Yoga Darsana	Mimamsa Darsana	Vedanta Darsana
Aspek Penggasas	Aksapada Gautama	Uluka Kanada Kasyapa	Kapila	Patanjali	Jaimini	Badarayana
Maksud	Penaakulan Logikal	Kecemerlangan	Ilmu pengetahuan yang diskriminatif / diperhitungkan	Penyatuan roh individu dengan roh dunia	Pemeriksaan / Penyiasatan	Hujung Veda
Masa	100 Masihi	300 sebelum masihi	1400 masihi	300 Masihi	400 sebelum masihi	400 sebelum masihi
Kitab	Nyaya sutra	Vaisesika sutra	Sankhya sutra	Yoga sutra	Punya mimmamsa sutra	Vedanta sutra
Matiamat hidup Roh / diri	Moksa	Moksa	Moksa	Moksa	Moksa	Moksa
	Infinit, abadi, punca nikmat dan derita	Infinit, abadi dan menyeluruh	Abadi, penikmat, kesedaran tulin, tidak aktif dan tidak berubah.	Sarma seperti sankhya darsana	Entiti tetap, abadi , agen dan penikmat.	Atomik, infinit dan kepelbagaiannya.
Ilmu Sah	Persepsi, keterangan, perbandingan dan inferen	Persepsi, keterangan, perbandingan dan inferen	Persepsi, inferen dan perbandingan serta bukti	Sama seperti sanhkyा darsana	Persepsi, inferen, perbandingan, bukti lisan, andaian dan ketidak-	Persepsi, inferen dan bukti lisan

Sebab musabab dunia	Arambha - vada	Sat-karya-vada / parinama- vada	Sama seperti sankhya darsana	Dunia seperti mana yang ada pada hari ini proses dunia tiada kesudahan.	kognisiyan	Parinama-vada
Pandangan Semesta / metafizik	Realisme dan objek dunia pelbagai	Kepelbagaihan real	Dualisme, realisme dan kepelbagaihan roh.	Sama seperti sankhya darsana	Kepelbagaihan realisme	Theistik, dualistic dan monisme
Tuhan	Paramatman, siva	Siva	Atheist	Sebutan "OM"	Kuasa ghaib	Visnu-narayana, Brahman
Etika	Akhlik mulia untuk mencapai moksa	Etika murni dan ilmu yang benar untuk mencapai moksa	Perbuatan menentukan moksa	Akhlik mulia dan amalan yoga untuk mencapai moksa	Amalan ritual untuk mencapai moksa	Karma yoga, bhakti yoga, jnana yoga dan prapatti untuk mencapai moksa.

9.3 Realiti Terunggul

Dalam persoalan mengenai realiti terunggul terdapat tiga pandangan yang berbeza yang diutarakan dalam falsafah astika darsana ia terdiri dari monisme (advaita), dualisme (dvaita) dan campuran monisme-dualisme (dvaita-advaita). Persepsi pemikir monisme ialah realiti terunggul yang terdiri dari tuhan, roh dan benda adalah satu dan tidak dapat dipisahkan. Pemikir dualisme pula, menganggap komponen realiti terdiri dari tuhan, roh dan benda yang berbeza dan tidak bersatu. Akhir sekali adalah pemikir yang menganggap realiti terunggul sebagai satu namun bukanlah satu.¹

Perbezaan di antara monisme dan dualisme adalah monisme menganggap tuhan sebagai maha wujud, sebahagian dari dunia, menjadi, ia adalah penciptaan, tuhan adalah sebahagian dari penyebab (material cause) dan bukan nya punca penyebab. Bagi golongan dualisme pula, tuhan melampaui dunia, abadi, pencipta, punca penyebab dan bukan nya sebahagian dari penyebab.

Perbezaan pendapat mengenai sifat-sifat semulajadi realiti ini berlaku kerana kedua-dua golongan mengambil sudut padangan yang berbeza. Golongan monist mengambil sudut pandangan dari atas bukit manakala golongan dualist pula mengambil sudut pandangan di bawah bukit.

"Visualize a mountain and the path leading to its icy summit. As the climber traverses the lower ranges, he sees the meadows, the passes, the giant boulders. This we can liken to dualism, the natural, theistic state where God and man are different. Reaching the

¹ **Dualisme** menganggap bahawa komponen realiti yang terdiri dari tuhan, roh dan benda adalah satu. Walaupun begitu ciri-ciri ketiga-tiga komponen adalah berbeza. Tuhan di anggap sebagai realiti bebas manakala roh dan dunia di anggap sebagai realiti tidak bebas yang bergantung kepada realiti bebas iaitu tuhan.

summit, the climber sees that the many parts are actually a one mountain. This realization is likened to pure monism. Unfortunately, many monist, reaching the summit, teach a denial of the foothills they themselves climbed on the way to their monistic platform.”²

Namun, kedua-dua sudut pandangan yang berbeza mengenai realiti telah diharmonikan oleh penulis tersebut dengan konsep yang baru yang dikenali sebagai monistik theism (advaita Isvarada).

“However, by going a little higher, lifting the kundalini into the space above the mountain's peak, the entire Truth is known. The bottom and the top are viewed as a one whole, just as theism and monism are accepted by the awakened soul. Monistic theism, Advaita Isvaravada, reconciles the dichotomy of being and becoming, the apparent contradiction of God's eternity and temporal activity, the confusion of good and evil, the impasse of one and two.”³

9.4 Penutup

Falsafah adalah satu bidang kajian yang mulia dan bidang ini perlu menjadi pencarian setiap insan dalam kehidupannya. Walaupun, hanya segelintir sahaja dapat memperoleh ganjaran pengkajian falsafah iaitu kebijaksanaan, namun bidang ini perlu menjadi cita-cita setiap insan.

Jika falsafah ingin memenuhi kehidupan intelektual manusia di dunia moden ini maka kesimpulannya mestilah melalui pelbagai ujikaji seperti penganalisaan dan penaakulan. Setiap perkara tidak boleh berdasarkan anggapan, semua andaian mestilah berasas. Falsafah mesti dapat menjelaskan semua perkara dari tuhan yang maha esa kepada seutas rumput. Rumusannya tidak boleh bercanggah dengan fakta yang diperolehi melalui pengalaman, konseptual atau perceptual.

² S.S. Subramuniyaswami, op.cit. ms. 421

³ Ibid., ms. 421.

Hipotesisnya mestilah menjelaskan semua jenis pengalaman; keadaan sedar, mimpi, tidur dan keadaan berkusyu.

Falsafah mestilah realistik dan idealistik, tetapi tidak patut menjadi suatu kajian mengenai materialisme yang mendewa-dewakan fakta dengan mengabaikan nilai-nilai mahupun mementingkan sains dengan mengabaikan aspek kerohanian.


Selain itu, falsafah tidak patut terdiri dari hanya nilai-nilai dengan mengelak dan menafikan segala hubungan dengan fakta. Intipatinya mesti komprehensif untuk menjelaskan segala penemuan terbaru dalam bidang sains. Juga falsafah patut merangkumi semua konsep agama dan sistem falsafah lain.

Falsafah tidak cukup sekadar menterjemahkan realiti sepetimana yang dipersepsi oleh pancaindera. Falsafah mesti menjelaskan kedua-dua aspek realiti, perubahan dan yang tidak berubah, jadi dan yang menjadi, yang tetap dan yang tidak tetap, yang bernyawa dan yang tidak bernyawa.

Semua syarat-syarat tersebut terdapat dalam tradisi sistem falsafah India Klasik , astika darsana.

RUMUSAN

Aliran Etaṣṭaṇa India



Mazah

- Zaman Rig Veda.

Perbezaan Aliran Falsafah

- Heterodox tidak menerima Veda.
- Orthodox menerima Veda.

Kawasan Pengaruh

- India.
- Asia.
- Lautan India.

Pandangan Semesta

- Materialisme & Spiritualisme.
- Realisme & Idealisme.
- Pluralisme & Monisme.



Methodologi

- Intelek
- Intuition.

Metafizik

- Roh.
- Benda.

Aliran

- Heterodox
- Orthodox

Kecenderungan Falsafah

- Monisme.

Perbezaan Roh & Benda

- Kesedaran.

Perbezaan Aliran

- Heterodox tidak menerima Veda.
- Orthodox menerima Veda.

Ajaran Praktikal

- Puas Hat!
- Menolak Material!
- Emosi Stabil!
- Tumpuan Kepada Realtit!
- Intelek Tajam
- Moral Tinggi!
- Ketenangan Hati.
- Disiplin Diri.

Falsafah Astika

Darsana

Vaisesika

- Pengasas: Uluka Kanada.
- Masa: Lebih Awal daripada Agama Buddha & Jaina.
- Maksud: Kecemerlangan.
- Karya: Vaisesika Sutra.
- Pandangan Semesta: Kepelbagaiannya realiti, saintifik & analitik.
- Kitab Rujukan: Upanishad.

Nyaya

- Pengasas: Gautama Aksapada.
- Masa: Abad ke-2.
- Maksud: Logik.
- Karya: Nyaya Sutra.
- Pandangan Semesta: Realistikisme, Theisme.
- Kitab Rujukan: Upanishad & Mahabharata.

Sankhya

- Pengasas: Kapila.
- Masa: Sistem Terawali.
- Maksud: Diperhitungkan & diskriminatif.
- Karya: Sankhya Sutra.
- Pandangan Semesta: Dualisme, Realisme & Pluralisme.
- Kitab Rujukan: Upanishad, Mahabharata & Bhagavad Gita.

Vedanta

- Pengasas: Vyasa, Badayarana & Sankara.
- Masa: 200 TM.
- Maksud: Hujung Veda (Upanishad)
- Karya: Vedanta Sutra.
- Pandangan Semesta: Theisme, absolutisme, monisme, dualisme, non-dualisme.
- Kitab Rujukan: Veda & Upanishad.

Yoga

- Pengasas: Patanjali.
- Masa: Lebih awal daripada Sankhya.
- Karya: Yoga Sutra.
- Kitab Rujukan: Upanishad.

Mimansa

- Pengasas: Jaimini.
- Masa: 400 SM.
- Maksud: Penyiasatan atau Inkiri.
- Karya: Mimansa Sutra.
- Pandangan Semesta: Realisme pluralistik.
- Kitab Rujukan: Veda & Upanishad.

NYAYA DARSANA

ASPEK	BUTIR-BUTIR
Pengasas	Gautama Aksapada
Masa	100 T.M.
Maksud	Logik
Karya	Nyaya Sutra
World View	Realisme logikal dan theisme
Sumber	Upanisad dan Mahabharata
Pengikut	Vatsyana, Uddyotakara, Vacaspati Misra, Udayana, Gangesa, Annambhatta dan Visvanatha-Pancanana.
Logik & Epistemologi	<p>Terdapat empat faktor dalam mendapat ilmu</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Subjek yang membuat kajian (pramata) b) Objek yang dikaji (prameya) c) Cara mengenal pasti ilmu yang benar (pramana) d) Hasil ilmu yang benar (prama).
Cara mendapat ilmu yang benar	<ul style="list-style-type: none"> a) Persepsi (Pratyaksa) b) Inferen (Anumana) c) Perbandingan (Upamana) d) Bukti Lisan (Sabda)
Kaedah Perdebatan	<ul style="list-style-type: none"> a) Cara untuk mendapat ilmu pengetahuan yang sah (pramana) b) Objek ilmu pengetahuan yang sah (prameya) c) Keraguan (Samsaya) d) Tujuan (Prayojana) e) Contoh (Drstanta) f) Doktrin yang sudah terasas (Siddhanta) g) Intipati keputusan yang tercapai dari dua kenyataan (Avayava) h) Batahan negatif secara tidak langsung (Tarka) i) Penentuan kebenaran (Nirnaya) j) Perdebatan untuk menentukan kebenaran (Vada) k) Berdebat secara membina dan Memusnah untuk mendapat kebenaran l) Kencaman (Vitanda) m) Sebab musabab kesalahan (Hetvabhasa) n) Kekeliruan dan berdolak-dalih (Chala) o) Bantahan yang tidak berasas dan tidak berguna (Jati) p) Poin-poin yang lemah (Nigraha-sthana)
Ciri-ciri Roh	Menyeluruh, infinit, tidak bergabung, tiada perceraian dan abadi.
Ciri-ciri tuhan	Paratman (Maha Agung), menyeluruh, abadi, pencipta dan pemusnah alam semesta

VAISESIKA DARSANA

ASPEK	BUTIR-BUTIR
Pengasas	Uluka Kanada Kasyapa
Masa	300 S.M.
Maksud	Kecemerlangan
Karya	Vaisesika Sutra
World View	Kepelbagaian Realiti, Pedekatan Saintifik dan Analitik.
Sumber	Upanisad
Pengikut	Prasastapada, Vyomasiva, Sridhara dan Udayana.
Logik dan Epistemologi	a) Persepsi b) Inferen (Perbandingan dan Keterangan)
Objek Ilmu	a) Bahan (Dravya) b) Kualiti (Guna) c) Aktiviti (Karma) d) Umum (Samanya) e) Khusus (Visesa) f) Inheren (Samavaya) g) Tidak Wujud (Abhava)
Ciri-ciri Roh	Spiritual, Infinit, abadi dan Menyeluruh.
Ciri-ciri Tuhan	Pencipta dunia, Maha kuasa, maha mengetahui dan penentu nasib roh.

SANKHYA DARSANA

ASPEK	BUTIR-BUTIR
Pengasas	Kapila
Masa	Abad ke 14 masihi
Maksud	Ilmu pengetahuan diskriminatif dan diperhitungkan.
Karya	Sankhya Sutra
World view	Dualisme, Realisme, Pluralisme.
Sumber	Upanisad, Mahabharata dan Bhagavad Gita.
Pengikut	Asuri, Pancasikha dan Varsaganya.
Cara mendapat ilmu yang benar	<ul style="list-style-type: none"> a) Persepsi (Pratyaksa) b) Inferen (Anumana) c) Bukti Lisan (Sabda)
Sebab Musabab Dunia	Arambha-Vada
Hubungan Antara Purusa dengan Prakrti	<ul style="list-style-type: none"> a) Roh bukanlah benda dan benda bukanlah roh. b) Roh adalah kesedaran tetapi tidak aktif. c) Benda adalah aktif tetapi tidak sedar. d) Roh adalah tulen dan tidak berubah. e) Benda sentiasa berubah dan berevolusi menjadi benda dalam dunia. f) Walaupun bertentangan kerjasama di antara roh dan benda mengakibatkan evolusi. Evolusi benda adalah untuk menyediakan keseronokan bagi roh dan pembebasan nya (moksa).
Prakrti dan evolusinya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prakrti (Benda) 2. Mahat (Intelek) 3. Ahankara (Ego) 4. Manas (Minda) 5-9. Jnanendriyas. 10-14. Karmendriyas. 15-19. Tanmantras. 20-24. Mahabhutas.
Purusa dan nasibnya	<ul style="list-style-type: none"> a) Roh bukanlah satu, ada pelbagai roh (pluralisme). b) Roh tidak lahir atau mati, tidak berubah, tidak bermutasi dan abadi. c) Roh menjadi jahil (avidya) apabila ia bergabung dengan badan (Buddhi, ahankara dan manas). d) Perikatan di antara roh dan benda berlaku kerana individu tidak dapat mendiskriminasi di antara roh dan benda. e) Pembebasan roh dapat di perolehi semasa roh berada dalam badan "jivan-mukti". f) Walaupun, roh itu dapat pembebasan (moksa) ia terus

	<p>menghuni badan untuk menghapuskan segala karma nya.</p> <p>g) Apabila ia dapat menghapuskan segala karma nya maka ia dapat kebebasan tanpa badan yang di kenali sebagai videhamukti.</p>
Tuhan	<p>a) Atheisme.</p> <p>b) Tuhan tidak diperlukan untuk mewujudkan dunia kerana dunia ini berevolusi dari prakrti (Benda).</p> <p>c) Prakrti (Benda) tidak perlu penggerak kerana ia dapat bergerak secara sendiri.</p> <p>d) Tuhan tidak diperlukan untuk menentukan nasib roh kerana nasib nya ditentukan oleh karma nya.</p>

YOGA DARSANA

ASPEK	BUTIR-BUTIR
Pengasas	Patanjali
Masa	300 T.M.
Karya	Yoga Sutra
Sumber	Upanisad
Maksud	Penyatuan roh individu (jivatman) dan roh dunia (paramatman)
Kaedah Mencapai Moksa	<ul style="list-style-type: none"> a) Tiada metafiziknya yang tersendiri. b) Ia menerima falsafah Sankhya dan mengubal kaedahnya yang tersendiri untuk manusia mencapai kebebasan. c) Cara untuk mencapai pembebasan adalah dengan mengasingkan roh (purusa) dengan benda asas (prakrti) d) Pengasinganroh dengan benda asas dapat dicapai melalui kawalan minda. e) Minda perlu ditenangkan dan dikosongkan tanpa pembalikan (reflection) maka roh dapat sedar keadaannya yang sebenar dan dapat melepaskan diri / membebaskan diri dari perangkap benda asas (prakrti). f) Method ini dipanggil Yoga.
Latihan Etika (10 Prinsip Moral Yoga)	<ul style="list-style-type: none"> a) Tidak mencederakan benda-benda hidup. (Ahimsa) b) Tidak akan bohong / berpegang kepada kebenaran.(Satya) c) Tidak akan curi (Asteya). d) Dapat mengawal nafsu seks (Brahma-Carya). e) Tidak tamak (Aparigraha). f) Sentiasa dalam keadaan berpuas hati (Santosa) g) Memiliki hati yang suci, murni dan mulia (Sauca). h) Hidup secara sederhana (Tapas). i) Membaca kitab-kitab suci (Svadhyaya). j) Sentiasa berbakti kepada tuhan (Isvara-pranidhana).
Lapan Langkah Yoga (Astanga-Yoga)	<ul style="list-style-type: none"> a) Ketiadaan (Yama). b) Amalan (Niyama). c) Posisi Badan (Asana) d) Kawalan Nafas (Pranayama). e) Menarik Balik Pancaindera Dari Objek-Objek (Pratyahara) f) Perhatian Tetap (Dharana). g) Meditasi (Dhyana). h) Tumpuan (Samadhi).
Tuhan	<ul style="list-style-type: none"> a) Percaya kepada kewujudan tuhan. b) Tuhan adalah Maha Kuasa, Maha Mengetahui, Maha suci dan bebas dari kesengsaraan. c) Menjadi objek perhatian tetap, meditasi dan tumpuan. d) Dikenali dengan sebutan 'OM'


MIMAMSA DARSANA

ASPEK	BUTIR-BUTIR
Pengasas	Jaimini
Masa	400 S.M.
Maksud	Penyiasatan / Inkuiiri.
Karya	Mimansa Sutra
World view	Pluralistik Realisme
Sumber	Veda dan Upanisad
Pengikut	Upavarsa, Sabara, Prabhakara, Kumarila Bhatta, Parthasarathi Misra, Sucarita Misra, Somesvara, Venkatesvara Diksita, Apadeva, Laugaksi Baskara, Raghunatha dan Narayana.
Epistemologi	<ul style="list-style-type: none"> a) Persepsi (Pratyaksa) b) Inferen (Anumana) c) Perbandingan (Upamana) d) Testimoni Lisan (Sabda). e) Andaian (Arthapatti) f) Ketidak Kognisian (Anupalabdhi)
Keunggulan Veda	<ul style="list-style-type: none"> a) Veda bukanlah hasil manusia (Apauruseya), abadi (nitya) dan adalah bukti tertinggi. b) Veda tidak ditulis oleh manusia maupun tuhan, ia terhasil secara tersendiri. c) Veda bertujuan untuk mengajar Dharma.
Ciri-ciri Roh	<ul style="list-style-type: none"> a) Roh adalah entiti tetap dan abadi. b) Roh bukanlah badan, pancaindera dan minda. c) Roh adalah agen tindakan dan ia menikmati keseronokan yang terhasil dari tindakan. d) Roh transmigrasi dari satu badan ke badan yang lain, ia pergi ke syurga dan menikmati keadaan di situ, roh akhirnya dibebaskan dari perikatan (bondage) karma. e) Ada pelbagai roh, setiap badan mempunyai roh yang berlainan.

VEDANTA DARSANA

Aspek	Butir-Butir
Pengasas	Badarayana / Vyasa
Masa	400 S.M.
Maksud	Bahagian hujung Veda.
Karya	Vedanta Sutra.
World view	Theisme, Absolutisme, Monisme, Dualisme, Non-Dualisme, Dualisme Non Dualisme.
Karya	<ul style="list-style-type: none"> a) Upanisad b) Bhagavad Gita c) Brahma Sutra.
Pengikut	Sankara, Swami Ramakrishna, Swami Vivekananda, Radhakrishna, Ramanuja dan Nimbarka.
Aliran Kecil	<ul style="list-style-type: none"> a) Advaita (Non-Dualisme) – Sankara. b) Visistadvaita (Organismal Non-Dualisme) – Ramanuja. c) Dvaita-advaita (Dualisme)- Madhva. d) Dvaitadvaita (Dualisme Non Dualisme)- Nimbarka.
Epistemologi	<ul style="list-style-type: none"> a) Persepsi. b) Inferen. c) Bukti Lisan / testimoni lisan.
Cara-cara Untuk Mencapai Moksa	<ul style="list-style-type: none"> a) Karma Yoga (Kerja). b) Jnana Yoga (Ilmu Pengetahuan). c) Upasana (Meditasi). d) Prapatti (Meryerah Diri). e) Gurupasatti (Berbakti Kepada Guru).
Metafizik	Terdapat tiga (3) realiti: tuhan, Roh dan Benda.
Tuhan	Visnu-Narayana.

LAMPIRAN



POSISI BADAN KETIKA MEDITASI

Bibliografi

Balbir Singh, The Conceptual Framework of Indian Philosophy, The Macmillan Co., India 1976.

Banerjee, N.V., The Spirit of Indian Philosophy, Arnold-Heinemann Publishers, New Dehli, 1974.

Basham, A.L., The Wonder That Was India; A Survey of the Indian Sub-continent Before the Coming of the Muslims, Sidgwick & Jackson, London, 1967.

Belvalkar, S.K., History of Indian Philosophy, Bilvakunja Publishing House, Ponna, India 1927.

Bernard, T., Hindu Philosophy, Jaico Publishing House, Mumbai, 1998.

Bijayananda, K., Indian Philosophy: An Analytical Study, Ajanta Publications, New Delhi, 1985.

Bose, R.C., Hindu Philosophy Popularly Explained : The Orthodox System, Asian Educational Services, New Dehli, 1986.

Brahma, N., Philosophy of Hindu Sadhana, Motilal Banarsidas, New Dehli, 1993.

Brunton, P., Indian Philosophy and Modern Culture, Bharatiya Book Corporation, New Dehli, 1981.

Chatterjee, M., Contemporary Indian Philosophy, Allen and Unwin, New York, 1974.

Chateterjee, S. & Datta, D., An Introduction To Indian Philosophy, Calcutta University Press, Calcutta, 1968.

Das, A.C., Studies in Philosophy, Firma K L Mukhopadhyay, Calcutta, 1962.

Dasgupta, S.N., A History of Indian Philosophy, Cambridge University Press, Cambridge, London, 1969.

Edgerton, F., (et. al) The beginnings of Indian Philosophy, George Allen and Unwin, London, 1965.

Gopala Chetti, D., New Light Upon Indian Philosophy, Dent, London, 1923.

Harris, R.B., (et al) *Neoplatonism and Indian Thought*, Sri Satguru Publications, New Dehli, 1992.

Herman, A.L., *An Introduction to Indian Thought*, Prentice Hall, New Jersey, 1976.

Hiriyanna, M., *Outlines of Indian Philosophy*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1968.

Hiriyanna, M., *The Essentials of Indian Philosophy*, George Allen and Unwin, London, 1949.

Kaviraj, G., *Aspects of Indian Thought*, University of Burdwan, Calcutta, 1984.

Krishnananda, Swami, *A short History of Religious and Philosophic Thought in India*, Divine Life Soceity, U.P. Himalayas, India 1994.

Krishnanda, Swami, *Essays in Life and Eternity*, Divine Life Society, U.P. Himalayas, India, 1990.

Lal, B.K., *Contemporary Indian Philosophy*, Motilal Banarsidas, New Dehli, 1978.

Mahadevan, TMP, *Contemporary Indian Philosophy*, Sterling Publishers, New Dehli, 1981.

Mahadevan, TMP, *Invitation to Indian Philosophy*, Arnold Heinemann Publishers, New Delhi, 1982.

Masih, Y., *Shankara's Universal Philosophy of Religion*, Munshiram Manoharlal Publishers, New Dehli, 1987.

Monier-Williams, *Indian Wisdom: or Examples of the Religious, Philosophical and Ethical Doctrines of the Hindus*, The Chowkhamba Sanskrit Series Office, Varanasi 1963.

Mukerjee, T., *Philosophical Reflections*, Classical Publications Co. New Dehli, 1993.

Muller, M., *The Six Systems of Indian Philosophy*, Longmans, Green & Co., 1903.

Murty, K.S., *The Indian Spirit*, Andhra University Press, India, 1965.

Pandeya, R.C., A Panorama of Indian Philosophy, Motilal Banarsidas, Delhi, 1966.

Potter, K.H., (et. al), *Advaita Vedanta up to Samskara and His Pupils*, Motilal Banarsidas, New Dehli, 1981.

Prabhavananda Swami, *The Spiritual Heritage of India*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1962.

Prasad, H.S., *Time in Indian Philosophy: A Collection of Essays*, Sri Satguru Publications, New Dehli, 1991.

Radhakrishnan, S., *Indian Philosophy*, George Allen & Unwin, London, 1966.

Rajakrishnan, R & Rajantheran, M., *Pengantar Tamadun India*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1994.

Raju, P.T., *The Philosophical Traditions of India*, George Allen & Unwin Ltd. London, 1971.

Ranade, R.D., *Studies in Indian Philosophy*, Maharashtra State Board for Literature and Culture, Bombay, 1986.

Russel, B., *History of Western Philosophy; and its Connection with Political and Social Circumstances from the Earliest Times to the Present Day*, George Allen and Unwin Ltd., London, 1961.

Schultz, M., *The Hindu Philosophy*, Classical Publications, New Delhi, 1978.

Sharma, C., *Critical Survey of Indian Philosophy*, Motilal Banarsi das, New Delhi, 1973.

Sharma, S.D., *Aspects of Indian Thought*, Sterling Publishers, New Dehli, 1993.

Sinha, J., *Outlines of Indian Philosophy*, Sinha Publishing House, Calcutta, 1963.

Sinha, K.P., *Reflexions on Indian Thought*, ChaukhambaOrientalia, Varanasi 1984.

Subramuniyaswami, S.S., *Dancing with Siva; Hinduism's Contemporary Catechism*, Himalayan Academy , India, 1993.

Urguhart, W.S., *The Vedanta and Modern Thought*, Gian Publishing House, New Dehli, 1986.

Varenne, J., *Yoga and the Hindu Tradition*, University of Chicago Press, Chicago, 1973.

Warder, A.L., Outline of Indian Philosophy, Motilal Banarsidas, Delhi, 1971.
Woods, J.H., The Yoga – System of Patanjali, Motilal Banarsi das, Dehli, India, 1974.

Jernal, Majalah, Ensiklopedia dan Kamus

Journal of Indian Philosophy, D. Reidel Publishing Co. Dordrecht.

Indian Philosophical Annual, Centre of Advanced Study in Philosophy, University of Madras, Madras, India.

Journal, Indian Academy of Philosophy, Calcutta, India.

Mehta, J.L., Philosophy and Religion; Essays in Interpretation, Indian Council of Philosophical Research in Association with Munshiram Manoharlal, New Delhi, India.

Iskandar, Tengku, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Pustaka, K. Lumpur, 1984.

Hawkins, J. M. Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1998.

Allen, R. E. (ed. el), The Oxford Dictionary of Current English, Oxford University Press, New York, 1990.

Webster's New Collegiate Dictionary, G & C Merriam Company, Massachusetts, USA, 1974.

The New Webster's International Encyclopedia, Trident Press International, Florida, USA, 1996.

Internet

Indian Philosophy-www.home.earthlink.net/~pushpasri/

Indian Philosophy Before The Greeks-www.nalanda.demon.co.uk/pregreek.html

Darshan: Indian Philosophy Page-www.philo.demon.co.uk/

Indian Philosophy-www.connect.net/ron/indianphilosophy.html.

Bhuddism And Indian Philosophy-
leonardoarena.tripod.com/BhuddismIndianPhilosophy.html